

Jabatan Antropologi dan Sosiologi
No. Kelas: 84 A2
No Perolehan: T 0864
Tarikh: 12/84

DEDIKASI

PENDIDIKAN ISLAM TRADISIONAL:
SATU KAJIAN MENGENAI BALAI DAKWAH ISLAMIYAH,
JERAM SELANGOR

Raya dan Tuuku yang mengalihkan
sekitar 1000 siri dewan.
Berkataan tidak berikan
baik-bayangan yang benar sekali.
oleh

Untuk.....

AZLAN KHALILI B SHAMSUDDIN

Para ulama dan NO. MATRIK 042113

Berangka tahun ini menjadikan
berkataan.....
sebagai pengalaman berharga dan
bercakap.....

Projek Penyelidikan
Bagi Memenuhi Sebahagian Daripada
Syarat-Syarat Untuk
Ijazah Sarjana Muda Sastera Dengan Kepujian

General Secretary,

Unit kerajaan Islamik yang berakhlak

dilantik,

JABATAN ANTROPOLOGI DAN SOSIOLOGI
UNIVERSITI MALAYA
Jalan dan.....
KUALA LUMPUR

Risalah ini kini berlaku,
SESI 1984/1985

- 11 -

PENGHARGAAN

Tidak juga dilupakan sepanjang berima kasih kepada Kakak Noriah

"Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang.

Selawat dan salam ke atas Rasulullah s.a.w., ke atas ahli keluarganya,
para sahabatnya dan para 'ulama' amilin ke semuanya."

Penulis bersyukur kepada Allah, kerana dengan keizinan-Nya,
projek penyelidikan yang bertajuk: "Pendidikan Islam Tradisional:
Satu Kajian mengenai Balai Dakwah Islamiyah, Jeram, Selangor", telah
dapat disempurnakan.

Penulis mengucapkan ribuan terima kasih kepada penyelia
projek penyelidikan ini, Prof. Madya Dr. Ahmad Kamar Abd. Rahman,
yang telah membimbing penulis sepanjang penulisan mini-thesis ini.

Penulis juga menghargai kerjasama yang telah diberikan oleh
Hj. Mohd. Amin Hj. Abdul Aziz dan Hj. Nasoha b. Ahmad, khasnya yang
telah banyak membantu penulis semasa tinggal di madrasah Balai
Dakwah Islamiyah, untuk menjalankan field-work untuk projek ini.
Terima kasih juga diucapkan kepada Ustaz Nae'mat Yusuf dan Ustaz
Muhammad 'Uthman El Muhammady, yang telah mengizinkan penulis meng-
gunakan bahan-bahan utama mengenai Sistem Pendidikan Islam Tradisional.
Penghargaan juga diucapkan kepada lain-lain individu yang memberi
kerjasama kepada penulis sepanjang penyelidikan ini untuk mendapatkan
maklumat-maklumat yang dikehendaki.

Tidak juga dilupakan ucapan terima kasih kepada Kakak Noriah yang telah menaip mini-thesis ini.

Akhir sekali, penulis merakamkan ucapan syukur kepada kedua ayah-bonda penulis, kerana sentiasa mendorong penulis di dalam mencapai cita-citanya.

"Sesungguhnya Kebenaran itu adalah dari Tuhanmu, maka janganlah kamu meraguinya."

Azlan Khalili

(Azlan Khalili b. Shamsuddin)
Jabatan Antropologi dan Sosiologi
Fakultas Sastera dan Sains Sosial
Universiti Malaya

Januari 1985

SINOPSIS

Projek penyelidikan yang bertajuk "Pendidikan Islam Tradisional: Satu Kajian Mengenai Balai Dakwah Islamiyah, Jeram, Selangor" ini cuba membentangkan mengenai sejenis lembaga pendidikan bernilai tinggi, yang berasaskan kepada ajaran-ajaran Islam yang murni.

Di dalam Bab Pertama, iaitu Pendahuluan, pengkaji membincangkan secara ringkas sebab-sebab mengapa tajuk projek penyelidikan ini dipilih dan beberapa persoalan yang timbul mengenai sistem pendidikan tersebut. Selanjutnya teknik penyelidikan, bidang kajian dan masalah-masalah dalam kajian ini dibicarakan.

Di dalam Bab Kedua, teori dan konsep serta pengertian Pendidikan Islam Tradisional dibicarakan. Kemudian dasar pendidikan ini, serta perhubungan guru-murid yang menjadi teras kepada sistem pendidikan ini dibincangkan.

Bab Ketiga membicarakan mengenai sejarah Balai Dakwah Islamiyah, asal-usul, serta permasalahan yang dihadapinya.

Bab Keempat pula membincangkan mengenai sistem pendidikan di madrasah ini dengan lebih lanjut lagi, mengenai latar belakang

pelajar-pelajarnya, jadual waktu pelajaran, rangka pendidikan serta sukatan pelajarannya.

Bab Kelima menganalisa mengenai sistem pendidikan tradisional ini secara keseluruhan, serta beberapa kelemahan dan kritikan terhadapnya. Selanjutnya dinyatakan cadangan-cadangan dan tindakan-tindakan yang perlu dilaksanakan untuk memperbaiki sistem pendidikan tersebut.

Bab akhir, di samping beberapa saranan yang difikirkan perlu, menyimpulkan mengenai sistem pendidikan ini serta membicarakan secara ringkas nilainya yang tinggi dan murni.

Selanjutnya, beberapa lampiran diadakan untuk membantu menjelaskan mengenai sistem pendidikan tradisional ini.

PETA NEGERI SELANGOR

SCALE 1:760,320

Miles 12 9 6 3 0
Kilometres 19.2 14.4 9.6 6.4 0



Figure 2. The main physical and political features of Selangor and the four rainfall stations.

KANDUNGAN

Halaman

Masalah Yang Dihadapi Oleh Balai Dakwah Islamiyah	23
IV PENDIDIKAN DI BALAI DAKWAH ISLAMIYAH	
Latar Belakang Pelajar-pelajar	28
Jadual Waktu Pengajian	30
Rangka Pendidikan Balai Dakwah Islamiyah	34
Sukatan Pelajaran	38
BAB V PERANAN DAN PENGARUH PENDIDIKAN ISLAM TRADISIONAL	
Kritik Terhadap Pendidikan Ini	45
Kelemahan Pengajian Islam Tradisional	49
Beberapa Saranan Untuk Mengatasi Masalah Ini	54
BAB VI AKHIR KATA	62
BIBLIOGRAFI	66
LAMPIRAN	
I Gambar-gambar Balai Dakwah Islamiyah, Jeram Selangor	68
II Rangka Pendidikan Balai Dakwah Islamiyah, Jeram, Selangor	72
III Senarai Mata-Matapelajaran Pondok	73
IV Kitab-kitab Yang Dipelajari Di Pendidikan Islam Tradisional (Pondok)	74
V Tingkat-tingkat Perkembangan Pendidikan Islam Tradisional	79

BAB 1

PENDAHULUAN

Tujuan Kajian

Seperti yang dimaklumi bahawa tujuan kajian ini pertama sekali adalah untuk memenuhi kehendak Jabatan Antropologi dan Sosiologi bagi menyiapkan satu Latihan Ilmiah untuk memenuhi syarat-syarat jabatan untuk kursus ini.

Pemilihan judul yang mengkaji beberapa institusi Islam yang bersifat tradisional¹ dan yang baharu wujud sehingga ke pertengahan tahun 1980an adalah dipadankan dengan pendapat tentang perkembangan masyarakat dalam berbagai aspek terutama dalam aspek agama yang diberikan perhatian dalam Rancangan Ekonomi II, III, IV dan seterusnya hingga sekarang ini.²

Di dalam kajian ini, pengkaji cuba mempelajari beberapa aspek terpenting mengenai 'sistem pendidikan Islam tradisional', yang membezakan ia dari pendidikan jenis lain yang terdapat di Malaysia.³

Satu daripada beberapa perkara yang dipelajari ialah tentang sebab-musabab 'pendidikan Islam tradisional' dipilih oleh pengasas-pengasasnya. Persoalan ini adalah penting. Ini adalah kerana, seperti yang am mendengar bahawa sekolah-sekolah pondok semakin merosot peranannya sebagai institusi pendidikan masyarakat Islam.⁴ Begitu

juga dari segi nilai ekonomi tidak memberikan inisiatif kepada pengajar dan pelajarnya. Kewujudan sekolah-sekolah Inggeris dan sekolah Kebangsaan yang mendapat penghargaan dari sektor perdagangan dan kerajaan merupakan pertandingan yang hebat.

Menyedari mengenai hal tersebut, pengkaji merasa tertarik dengan perkembangan mutakhir di dalam masyarakat Islam di Malaysia terutama pada akhir 1970an dan awal 1980an. Sistem pendidikan Islam tradisional mula diminati semula. Mengapakah pengasas-pengasas sekolah-sekolah tersebut memilih pendidikan jenis ini. Dan apakah kaitan hal dengan masyarakat Islam dewasa ini.

Satu hal yang perlu dibandingkan dari segi sosiologi pengetahuan ialah tentang kepincangan dan kelemahan di dalam sekolah-sekolah moden terutamanya mengenai kehilangan adab.⁵

Tujuan lain seterusnya penulis akan mempersoalkan tentang apakah yang dimaksudkan sebagai tradisional itu? Apakah ianya bererti tiada mengizinkan perubahan. Atau apakah ianya bersifat jumud, sempit dan tidak dinamik (walhal Islam adalah ad-Deen yang menyeluruh) - seperti setengah pengkritik pendidikan jenis ini mengatakan. Untuk melihat ini, seimbas lalu mengenai syallabus dan kurikula sekolah-sekolah tersebut perlu dilihat.

Bagaimana pula mengenai peperiksaan? Apakah keluaran sekolah-

sekolah tersebut diiktiraf oleh kerajaan. Kalau tidak, bagaimana masa depan anak-anak yang dihantar di sana. Mengapa ibu bapa mereka menghantar mereka ke sana? Merujuk kepada perkara ini, latihan ketrampilan atau latihan vokesyenal yang diperkenalkan di sekolah-sekolah tersebut akan dibincangkan.

Di dalam kajian ini juga kritik terhadap pendidikan jenis ini akan dibuat mengenai kebaikan dan keburukannya, peluang-peluang pekerjaan swasta atau lainnya untuk lulusan sekolah-sekolah tersebut, serta manfaat pendidikan tersebut.

Akhirnya, analisa ringkas akan dibuat untuk melihat apakah sistem pendidikan Islam dewasa ini telah berjaya menghasilkan pemimpin agama yang sebenarnya. Apakah para ulama Islam telah berjaya melahirkan keadaan sosial dan masyarakat yang baik. Dan apakah peranan pendidikan Islam tradisional ke arah itu.

Ringkasnya, dua perkara pokok perlu dipersoalkan di dalam kajian ini:

1. Mengapa sistem pendidikan Islam tradisional boleh langsung dan sekarang sambutan kepadanya menggalakkan.
2. Peranan sistem pendidikan jenis ini.

Tempat Kajian

Di dalam kajian, penulis hanya memusatkan perhatian khas kepada sebuah sekolah sahaja, iaitu Balai Dakwah Islamiyah, Batu 18½, Jeram, Selangor.

Dua buah sekolah lagi yang dilawati oleh pengkaji adalah Martaz at-Tarbiyat 'ul-Islamiyah, Mukim Derang, Kota Setar, Kedah dan Darul Falah, Kampung Kuala Sungai Baharu, Melaka diambil sebagai bahan tambahan dan bandingan secara tidak langsung.

Selain dari itu ada beberapa sekolah yang bersifat pendidikan tradisional iaitu Jamiah Al Arqam, Perkampungan Islam, Darul Arqam, Sungai Pencala, Wilayah Persekutuan; Madrasah Diniyatul Badariah, Pasir Tumbuh, Kota Bharu, Kelantan dan Maahad Tahfiz Al Quraan, Jemaah Tabligh, Trengganu.

Teknik Penyelidikan

Dua method telah digunakan oleh penulis dalam mengumpul bahan-bahan untuk kajian ini. Cara pertama adalah dengan membuat beberapa pertemuan dengan beberapa orang tertentu yakni "personal interview method". Pengkaji tidak membuat "questionnaires" terlebih dahulu kerana difikirkan lebih memuaskan sekiranya pertemuan dibuat secara 'informal'. Di sepanjang pertemuan-pertemuan tersebut, 'interviewees'

telah memberikan 'response' yang baik sekali. Cara kedua adalah dengan 'participant observation' - iaitu dengan membuat lawatan ke sekolah-sekolah tersebut dan memerhatikan aktiviti para pelajar, dan 'involve' di dalam aktiviti madrasah seberapa boleh.

Selain dari itu, penggunaan perpustakaan dan Arkib Negara, di mana perlu, untuk bahan-bahan penyelidikan. Kamera dan kaset-rekorder telah digunakan untuk merakamkan pengalaman kajian ini.

Bidang Kajian

Seperti sedia maklum bahawa sesuatu bidang kajian dapat dibahagikan kepada dua bahagian iaitu aspek umum dan aspek khusus.

Kajian mengenai aspek umum dari pendidikan jenis ini adalah mengenai suasana yang terdapat di dalam madrasah berkenaan; tahap-tahap pembelajaran; serta cara pembelajaran - (methodologi) penyampaian dan lain-lainnya.

Mengenai aspek khusus pula adalah mengenai syllabus yang digunakan iaitu matapelajaran dan penekanan, serta kitab-kitab yang digunakan; disiplin madrasah; dan pakaian pelajar, asrama dan makanan mereka.

Selain dari itu pentadbiran, tenaga pengajar, kelulusan serta

gaji mereka atau disentuh secara ringkas.

Masalah-masalah dalam Menjalankan Kajian Ini

Yang menjadi permasalahan utama pengkaji adalah masalah 'kewangan'. Banyak wang telah digunakan terutama kerana pengkaji telah membuat perjalanan yang jauh di tiga negeri iaitu Kedah, Selangor dan Melaka.

Selain dari itu, oleh kerana ini adalah kajian pertama pernah dilakukan mengenai Balai Dakwah Islamiyah, Jeram, Selangor, tidak terdapat bahan sejarah yang memuaskan mengenainya yang boleh membantu pengkaji di dalam kajian ini.

Selain dari itu juga, kajian mengenai sistem pendidikan Islam tradisional ini adalah satu bidang yang luas, sudah tentu ianya tidak boleh disimpulkan dalam latihan ilmiah yang terhad ini, sebagai menyempurnakan syarat 1 unit dari kursus ini.

Walau bagaimanapun, pada umumnya, pengkaji telah mendapat kerjasama yang amat baik sekali dan interviewees terutama para alim-ulama di Balai Dakwah Islamiyah, Jeram, Selangor. Di dalam hal ini juga, pengkaji tidak menghadapi masalah untuk penginapan untuk membuat kajian ini.

NOTAKAKI

1. Pengertian 'tradisional' ini dapat dilihat antara lainnya di dalam:

Lihat Muhammad Uthman El Muhammady,, 'Pondok Education as Indigenous Education' dalam Jurnal Pendidikan Islam Bil. 1 ABIM 1984; juga di dalam 'Peradaban dalam Islam', Kota Bharu 1976 oleh pengarang yang sama. Ini akan dibincangkan lebih lanjut dalam bahagian pertama daripada kajian ini.

2. Lihat: Mohammed Abu Bakar, 'Dakwah dan Pengislaman: Masyarakat Melayu Masakini. Satu Analisa Pengenalan' dalam Tamaddun Islam di Malaysia, Persatuan Sejarah Malaysia 1980.
3. Iaitu seperti pendidikan liberal dan sekular yang ada. Lihat: Uthman El Muhammady, 'Peradaban dalam Islam'. Prof. Syed Muhammad Naguib al-Attas, "Islam and Secularism" (ABIM, K.L. 1978).
4. Lihat: Abdul Rashid b. Hj. Ahmad, "Kedudukan Pondok Dalam Masyarakat di Kelantan" (Latihan Ilmiah, Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1966).
5. Bandingkan ia dengan sistem pendidikan Islam tradisional yang mementingkan akhlak keagamaan yang diasaskan pada ajaran tasawuf seperti adab-adab murid kepada guru yang terkhas di dalam tamaddun Islam.

BAB II

Kedua, pengajian ini adalah berdasarkan di atas ilmu yang

TEORI DAN KONSEP

yakin bahawa apa yang dicapai dan Al Quran dan Sunnah Rasul S.A.W.

adalah besar. Selain dari itu diambil ilmu dari pendapat ulama besar,

PENGERTIAN PENDIDIKAN ISLAM TRADISIONAL

bukan seperti apa yang tercapai dalam ilmu-ilmu moden yang kebanyakannya

berasaskan teori dan konsep dalam penulisan ini sedapat

mungkin tidak diambil dari pendapat yang berasaskan pada pengukuran

sains sosial yang berfalsafahkan kebendaan. Maka dalam penulisan

ini dipakai terus dari perspektif Islam dengan melihat kedudukan

ilmu yang tersebut dengan menekankan Al-Hikmah Ilahiyyah

ilmu itu sendiri sebagai yang diamalkan.

(Divine Wisdom) di tingkat yang paling tinggi. Keadaan baharulah di-

ikut dengan pengalaman dan pengalaman yang diperoleh.

Ada beberapa keistimewaan di dalam Pendidikan Islam

Tradisional yang menarik perhatian pengasasnya untuk mengekalkannya

atau menghidupkan kembali sebagai sistem pengajian dan pendidikan

dalam beberapa tahun kebelakangan ini. Selain dari ia merupakan suatu

sistem yang diwariskan dalam menyampaikan ajaran-ajaran Al Qur'an

dan As Sunnah.¹ Keadaannya dapat diteliti sebagai berikut:

Tadrib (yakni latihan bagi membiasakan anak didik bertindak sebagaimana

ilmu yang Pertama, pengajian dan pendidikan ini dimulakan dari suatu

titik tolak yang sangat murni, di mana setiap penuntut dididik

memasang niat 'belajar kerana Allah', bukan dengan alasan yang lain

dari keredhaan Allah. Peribadi yang merasakan dirinya terikat dengan

Allah sentiasa merasa bertanggungjawab dengan Allah dalam segala hal

perkaitan hidupnya dengan diri, keluarga dan masyarakat.

di samping peneliharaan terhadap tata-tactik penyampaian yang tidak

Kedua, pengajian ini adalah berdasarkan di atas ilmu yang yakin bahawa apa yang didapati dan Al Quran dan Sunnah Rasul s.a.w. adalah benar. Selain dari itu diambil ilmu dari pendapat ulama besar, bukan seperti apa yang terdapat dalam ilmu-ilmu moden yang kebanyakannya berasaskan kepada andaian para sarjana sains moden terutama dalam sains sosial.

Ketiga, pengajian ini berlalu di atas maratibul 'ulum² (hairaki ilmu) yang tepat dengan meletakkan Al Hikmatul Ilahiyah (Divine Wisdom) di tempat yang paling tinggi, kemudian baharulah diikuti dengan Al 'Ulum An-Naqliyah (ilmu-ilmu syariat yang dinaqalkan dari Al Quran dan Al Hadith) di tempat yang kedua, dan Al-'Ulum Al-'Aqliyah (rational sciences) di tempat paling akhir.

Keempat, pengajian ini terletak di atas ciri-ciri pendidikan Islam yang tulin lagi berkesan, iaitu ciri taalim (memberi ilmu), tadrib (yakni latihan bagi membiasakan anak didik bertindak sebagaimana ilmu yang diajar), takdib (pembentukan peribadi) dan akhir sekali irsyad (yakni nasihat dan tunjuk-ajar yang akan datang dari kematangan dengan pengalaman guru).

Kelima, pengajian ini didasarkan kepada adab-adab perhubungan yang halus di antara murid dengan guru, demikian pula sebaliknya,³ di samping pemeliharaan terhadap tata-tertib penyampaian yang tidak

boleh menjelaskan matlamat asal pengajian iaitu pembentukan manusia sebagai hamba dan khalifah Allah yang mampu berhadapan dengan segala keadaan dan ujian.

Keenam, pengajian ini mementingkan wujudnya alam sekitar (environment) yang bersih bagi menolong terbentuknya peribadi Muslim yang menjadi matlamat kepada pendidikan Islam. Justeru itu, suasana kehidupan yang lebih dekat dengan tuntutan Islam turut menjadi syarat utama dalam sistem pendidikan Islam tradisional di mana suasana itu dapat dilihat menerusi perlaksanaan pemondokan (hidup secara pondok) dalam sistem ini.

Ketujuh, pengajian ini juga sangat mementingkan suasana keberkatan⁴ dalam semua hal pengajian termasuk cara belajar berhalaqah (duduk dalam barisan yang membulat di hadapan guru) seperti yang terdapat di dalam hadis yang berkaitan dengan majlis ilmu.⁵

Kelapan, pengajian ini didukung sepenuhnya oleh rakyat dari pelbagai tingkat dan lapisan masyarakat atas kesedaran bahawa ianya adalah merupakan suatu tanggungjawab yang harus dipikul bersama. Justeru itu, rakyat pendukung akan menjadi sebagai hakim di dalam menilai, menegur, menghukum atau memerhati segala tingkah laku mereka yang terlibat dengan institusi pendidikan ini, juga sebagai penanggungjawab atas segala perjalanan sekolah.

Dasar Pendidikan Islam Tradisional

Untuk memahami hal ini, perlulah kita melihat kepada falsafah pendidikan Islam sebagaimana ianya dilaksanakan di dalam sejarah dan tamaddun Islam. Ada enam istilah yang perlu dibincangkan iaitu: tarbiyyah, taalim, ta'dib, irshad, tadrис dan At-Tadrib.⁶

- a. Tarbiyyah: Di dalam Bahasa Arab ia bermaksud satu proses yang membawa manusia yang terdidik ini dari satu taraf (stage) ke taraf yang lain sehingga ia mencapai di dalam dirinya, apa yang digelar oleh Islam sebagai al-Fitrah.
- b. At-Taalim: menyampaikan ilmu kepada personaliti tersebut; ilmu yang mempunyai 'arti' dan nilai kepada kehidupan insan, menurut konsep, penyusunan dan maratibul-ulum, sebagaimana yang terdapat di dalam kurikula pendidikan Islam. Di dalam hal ini peranan guru adalah tersangat penting.
- c. At-Ta'dib: iaitu proses pendidikan dan pembentukan peribadi yang tinggi, penuh dengan adab dan ethika sebagaimana yang terdapat di dalam Islam.
- d. Al-Irsyad: tunjuk ajar oleh guru kepada muridnya ke jalan yang sebenarnya menurut Al-Quran dan As Sunnah. Tujuan terakhir adalah al-ma'rifah (guosis).

- e. Tadris: maksudnya yang mudah, mengajar setengah subjek kepada pelajar, termasuk proses peperiksaan mengenai apa yang diajar.
- f. At-Tadrib: mengenakan latihan yang boleh membiasakan diri dengan amalan yang tepat dengan kehendak ilmu, sama ada yang berkaitan dengan soal-soal kebadanan atau yang berkaitan dengan kerohanian, demikian juga soal-soal yang menyentuh urusan kemahiran, gerakan dan kecekapan pemikiran.

PERHUBUNGAN GURU-MURID DALAM PENDIDIKAN ISLAM TRADISIONAL

Huraian berikut adalah ringkasan dari kaedah-kaedah perhubungan antara guru dengan muridnya, sebagaimana yang dihuraikan oleh Shaykh 'Abdus Samad b. Muhammad Salih al Kelantani yang digelari sebagai Tuan Tabal, di dalam kitabnya, Minhatul-Qarib. Tuan Tabal adalah seorang ulama Islam dari Malaya pada abad ke 19.⁸

Antara sifat-sifat yang dikehendaki ada pada seorang guru adalah ia bersedia memikul bebanan kesusahan yang mungkin datang dari pihak murid-muridnya. Dia juga hendaklah menjaga adab yang dituntut oleh kedudukannya walaupun sewaktu duduk. Ia hendaklah duduk dengan beradab, dalam keadaan hebat, serius dan penuh ketenangan. Dia janganlah menunjukkan sifat takabbur dan sifat tergesa-gesa dan ketiadaan ketenangan di dalam jiwanya.

Guru itu juga hendaklah benar-benar dapat menjaga dan mengawal nafsu marahnya. Di dalam keadaan bagaimana sekalipun, dia hendaklah sentiasa menunjukkan sifat tidak marah dan tersentuh perasaannya. Ini tidaklah berlawanan dengan 'marah suci' iaitu marah terhadap pengkhianatan terhadap kehendak Tuhan.

Guru di dalam perhubungannya dengan orang lain janganlah menunjukkan sifat takabbur, kecuali terhadap seseorang penzalim yang menindas orang lain, supaya dia terhalang dari melakukan penindasan itu. Dia dikehendaki menunjukkan sifat merendah diri di dalam semua keadaan. Sebagai guru, dia tidaklah suka berseloroh, kecuali sedikit sekali.

Dia hendaklah juga bersifat lemah-lembut terhadap murid-muridnya dan bersifat sabar terhadap pertanyaan dari murid-murid yang bodoh di kalangan mereka. Selain dari itu, dalam masa mendidik mereka, dia janganlah merasa malu untuk mengaku kejahilannya jika ia tidak dapat menyelesaikan satu-satu masalah ilmu. Sekiranya ia didapati melakukan kesalahan dalam pandangannya tentang sesuatu masalah, dia hendaklah bersedia untuk kembali kepada kebenaran.

Tugas-tugas lain terhadap murid-muridnya, ialah antaranya, dia hendaklah melarang murid-muridnya dari mempelajari ilmu yang

tiada bermanfaat untuk mereka; sehingga murid-murid tersebut takut untuk belajar ilmu yang bermanfaat⁹ kecuali dengan niat belajar untuk mencari keredhaan Allah. Selain dari itu, dia hendaklah milarang murid-muridnya dari mempelajari ilmu-ilmu yang bersifat fardhu kifayah, sebelum mereka mempelajari yang fardhu 'ain.¹⁰

Akhir sekali, guru itu hendaklah mengamalkan ilmunya di dalam hidupnya sendiri supaya dia menjadi contoh kepada mereka yang mendapat pendidikan daripadanya.

Mengenai si murid pula adabnya ialah seperti berikut: bila ia sampai di majlis pelajaran gurunya, hendaklah ia mula-mulanya memberi salam. Di hadapan gurunya itu, dia hendaklah jangan ber-cakap banyak sebab ini melanggar adab. Bila ia hendak minta penerangan dari gurunya, ia hendaklah mula-mulanya minta keizinan dari gurunya untuk itu. Dia janganlah menyampuk gurunya.

Dia janganlah menentang pandangan-pandangan gurunya dan ajaran-ajarannya dengan menyebut pandangan-pandangan ulama lain yang menentang pandangan guru itu. Kalau ia ada apa-apa masalah yang mesti diselesaikan, dia boleh minta penjelasan daripada gurunya.

Sewaktu di dalam majlis pendidikan gurunya, si murid janganlah bertanyakan apa-apa kepada rakan-rakannya di hadapan gurunya.

Dia hendaklah diam dan benar-benar memberi perhatian kepada gurunya. Apabila gurunya berdiri, dia hendaklah juga berdiri menunjukkan penghormatannya kepada gurunya.

Akhir sekali di dalam senarai adab murid itu, dia janganlah ada sangkaan tidak baik terhadap gurunya bila perbuatan zahir dari guru itu nampak padanya berlawanan dengan zahirnya kehendak agama,¹¹ sebab guru yang berkelayakan yang sebenarnya (iaitu 'mursyid') - mengetahui tentang apa yang dilakukannya lebih daripada muridnya.

3 ISTILAH - 'GURU', 'PENDIDIKAN' DAN 'MURID' MENURUT ILMU TASAWWUF

'Guru' adalah 'ulama yang merupakan penyampai yang paling sah dari tradisi Islam. Al Ghazālī¹² memanggilnya 'Ulama Akhirat' yang memandang ke Akhirat berbanding dengan 'ulama dunia (alim ad-dunya) iaitu ulama agama yang menggunakan ilmunya tentang agama dan tradisi sebagai alat untuk mencapai kepuasan nafsu dan cita-cita duniawinya. Pokoknya, guru itu adalah dia yang merealisasikan kebenaran dalam wujud dirinya sendiri kemudian dia berhak untuk mengajar kebenaran itu kepada orang lain. Atau, sekurang-kurangnya si guru benar-benar percaya kepada ajaran-ajaran yang sedang diajarkannya kepada orang lain, dan dia mengajarkannya agar orang lain percaya kepada kebenaran itu dan mengamalkannya.

'Pendidikan' pula adalah satu proses mengubahkan logam

bertaraf rendah dari diri insan yang terjatuh itu supaya menjadi diri keemasan yang bergemeralap dengan sifat-sifat keutamaan rohaniyyah yang asasi, yang mana pendidikan taraf mental adalah merupakan peringkat persediaan ke arah realisasi yang terakhir itu.

Si 'murid' pula adalah seseorang yang pergi mengadap gurunya untuk dilatih dan disucikan sehingga hidupnya di dunia ini adalah menjadi tempat berusaha mencapai keselamatan yang terakhir.

NOTAKAKI

1. Lihat: Naemat Yusuf: "Markaz At-Tarbiyat 'Ul-Islamiyah" (Markaz Pendidikan Islam) Mukim Derang, Kota Setar, 1982. (Tidak diterbitkan).
2. Untuk memahami hairaki ilmu menurut perspektif Islam dengan lebih lanjut, sila lihat: Wan Muhammad b. Wan Muhammad Ali, "Islam dan Modernisme", ABIM, 1977, halaman 76-78.
3. Lihat: Bahagian kedua terakhir dari bab ini.
4. Barakah dalam Bahasa Arab, bermakna perlindungan rohaniyyah yang khas serta bantuan khas yang wujud di sekitar peribadi yang berjaya dalam hidup rohaniyyahnya. Perlindungan dan bantuan rohaniyyah begini memberikan manfaat kepada murid itu. Barakah boleh membantunya mencapai tujuan rohaniyyahnya dengan lebih cepat lagi berbanding dengan keadaan kalau dia tidak mendapat bantuan itu. Dia benar-benar mendapat manfaat dari pendidikan rohaniyyah dari gurunya, yang dia tidak akan sedemikian mendapatinya tanpa barakah itu.
5. Salah satu hadis mengenai majlis ilmu adalah:

Pada suatu hari Rasulullah keluar berjalan-jalan, lalu melihat dua majlis. Yang satu mereka itu berdoa kepada Allah dengan sepenuh hati. Yang satu lagi mengajarkan manusia. Maka bersabda Nabi s.a.w.:

"Adapun mereka itu bermohon kepada Allah Ta'ala. Jika dikehendaki-Nya, maka dikabulkan-Nya. Jika tidak, maka ditolak-Nya. Sedang mereka yang satu majlis lagi, mengajarkan manusia dan aku ini diutuskan untuk mengajar."

Kemudian Nabi menoleh ke majlis orang mengajar, lalu duduk bersama mereka.

(Hadis diambil dari Ihya' Ulumiddin, mengenai keutamaan mengajar, dari Kitab al Ilmu, dari kitab tersebut karangan Al Ghazali, terjemahan Tk. H. Ismail Yakub, Cetakan Ketiga, tahun 1966).

6. Untuk keenam-enam istilah ini, sila lihat:

Naemat Yusuf: Op. Cit.

Muhammad Uthman El Muhammady, 'Pondok Education as Indigenous Education' dalam Jurnal Pendidikan Islam Bil. 1, ABIM, 1984.

7. Lihat: Muhammad Uthman El Muhammady, 'Perhubungan Guru-Murid Dalam Satu Teks Ajaran Islam Dari Malaya Abad ke XIX' dalam 'Peradaban dalam Islam' Cetakan Pertama, 1976.
8. Untuk riwayat ringkas Tuan Tabal, sila lihat: Uthman El Muhammady: Ibid, halaman 246-249; Nik Abdul Aziz b. Hj. Nik Hassan, "Islam di Kelantan" (Persatuan Sejarah Malaysia: 1983), halaman 22-25.
9. Ilmu-ilmu yang bermanfaat itu adalah maksudnya ilmu-ilmu yang dengan secara langsung membantu orang yang berkenaan dalam melaksanakan tugas-tugas keagamaannya kepada Tuhan dan dalam mencapai kedudukan rapat denganNya. Ilmu-ilmu yang tidak bermanfaat adalah mana-mana yang mendatangkan hasil yang sebaliknya. Inilah maksud hadis Nabi Muhammad (s.a.w.):

"Ya Allah hamba minta perlindungan kepada-Mu daripada ilmu yang tidak bermanfaat dan daripada hati yang tidak khusyuk serta daripada nafsu yang tidak puas-puas..."

(Lihat Mishkat al-Masabih, kitab X, bab VII, hadis no. 4 yang disebut dari kitab Sahih, Imam Muslim).

10. Pembahagian ilmu kepada yang fardhu 'ain dan yang bersifat fardhu kifayah, boleh dilihat antara lainnya di dalam:

Al Ghazālī, "Ihya 'Ulumuddin", di dalam kitab (bahagian) yang menerangkan tentang ilmu pengetahuan; Prof. Syed Muhammad Naguib al-Attas, "Islam and Secularism" (ABIM, Kuala Lumpur, 1978); Uthman El Muhammady, Ibid.

11. Ini tidak bererti bahawa pihak yang berkenaan diberikan keizinan melanggar dengan sesuka hatinya ajaran-ajaran Hukum Syariat.
12. Untuk penerangan Al Ghazālī mengenai hal ini, lihat: "Ihya 'Ulumuddin", di dalam Kitab dan Ilmu, mengenai 'Adab Kesopanan Pelajar dan Pengajar' dan penjelasannya mengenai tugas-tugas penunjuk jalan kebenaran, serta mengenai 'Bahaya Ilmu Pengetahuan'.

BAB III

SEJARAH BALAI DAKWAH ISLAMIYAH

Untuk memahami kedudukan Balai Dakwah Islamiyah dan perannya dalam masyarakat, maka perlu juga diketahui latar belakang pengasasnya secara ringkas, iaitu Hj. Mohd. Amin Hj. Abdul Aziz.¹ Beliau dilahirkan pada tahun 1937, di Kampung Padang Jawa, Kelang. Bapanya Hj. Abdul Aziz adalah seorang ulama yang telah terdidik dengan keagamaan sejak kecil.

Pendidikan awal Hj. Mohd. Amin adalah di Sekolah Melayu, Jeram dari Darjah 1 hingga Darjah 7. Pada tahun 1951, beliau mula belajar di Sekolah Agama, Jeram. Gurunya ketika itu adalah Hj. Shafie Ismail.

Pada mulanya, kecenderungan Hj. Mohd. Amin adalah terhadap politik UMNO. Dia pernah berkempen menentang Ustaz Zulkiflee Muhammad² di Jeram. Waktu itu dia merupakan penyokong kuat UMNO, di bawah Tuanku Abdul Rahman, kerana memperjuangkan kemerdekaan.

Meskipun begitu, pada tahun 1956, beliau telah menghadiri satu kursus politik PAS yang diadakan di Dewan Melayu Kelang. Di situ, beliau terpengaruh dengan ucapan-ucapan yang diberikan oleh Ustaz Othman Abdullah³ dan Ustaz Zulkiflee Muhammad. Sejak itu, beliaupun meninggalkan UMNO.

Beliaupun mulalah bergerak dalam PAS, dan menjadi setiausaha PAS di Jeram. Ketika itu, beliau sedang mengajar di Sekolah Arab Hubbul Watan di Jeram. Antara guru-gurunya ketika itu adalah Ustaz Ahmad Muhit dan Hj. Yusuf. Sekolah tersebut berjaya melahirkan guru-guru agama dan politik, termasuk antara lainnya Hj. Mohd. Amin sendiri, Ustaz Shahar Sulaiman⁴ dan Ustaz Rahmat Shafie. Sekolah tersebut akhirnya digelar sebagai "Sekolah PAS", kerana 10 orang Ustaz dari jumlah 15 orang bergiat dalam politik Islam.

Antara tahun 1958 dan 1959, Hj. Mohd. Amin telah diberi ancaman oleh pentadbiran sekolah tersebut agar membuat antara salah satu dari dua pilihan: sama ada bergiat dalam politik ataupun sebagai guru agama di Jeram. Beliau memilih menjadi guru agama.

Setelah itu beliau mula bergerak dalam badan dakwah khasnya Jamiatul Islam di bawah Tan Sri Syed Nasir.⁵ Beliau berada dalam Jamiah selama 2 tahun. Cara dakwah ketika itu adalah melalui nasyid dan seni suara - iaitu dengan menubuhkan kumpulan nasyid "Nurul Islam." Nyanyian-nyanyian berunsur Islam dan dakwah itu berkumandang di TV dan Radio satu masa dahulu.

PERMULAAN BALAI DAKWAH ISLAMIYAH

Menurut Hj. Mohd. Amin, tertubuhnya Balai Dakwah Islamiyah adalah bermula pada tahun 1977 bersama-sama dengan seorang anak murid-

nya Ahmad Rasul Abd. Rahman.⁶ Pada mulanya, mereka telah menubuhkan seksi Dakwah di Sekolah Agama Hubbul Watan.

Pada tahun 1977, mereka telah mengadakan Kursus Kesedaran bagi pelajar-pelajar Sekolah Menengah Kuala Selangor. 120 orang peserta telah menghadirinya. Antara penceramah waktu itu termasuklah Mufti Selangor, Abu Hassan bin Omar dan Hj. Nasoha b. Ahmad.⁷ Kursus kali kedua seperti ini telah diadakan pada bulan 12, tahun 1977, dengan dihadiri oleh 160 orang peserta.

Pada bulan Januari, 1978, Hj. Mohd. Amin telah memulakan kursus Asas Pengenalan Islam 40 hari.⁸ yang dihadiri oleh 40 orang peserta. Program 40 hari itu terdiri dari pengisian Fardhu 'Ain ia-itu Tawhid, Fiqh, Tasawwuf serta Tafsir dan Tajwid.

Satu hal yang menarik sewaktu kursus tersebut, adalah kehadiran seorang pengikut Jemaah Tabligh,⁹ bernama Hanafi¹⁰ yang kini menetap di Pasir Gudang. Dengan tunjuk ajar dari Hanafi, peserta-peserta kursus tersebut telah membuat "gasht" atau "ziarah"¹¹ di kalangan orang-orang di Pantai Jeram. Ketika itu, Jeram terkenal dengan Mandi Pantai sempena menyambut bulan Safar, dan ramailah orang-orang Melayu berkunjung ke sana kerana hal ini. Perbuatan seperti ini adalah 'khurafat' dari pandangan Islam. Menurut Hj. Mohd. Amin, hasil dari ziarah dan dakwah tersebut, serta doa yang bersungguh-sungguh yang dilakukan oleh mereka, dipimpin oleh Hanafi, maka, pada tahun

berikutnya, perbuatan khurafat itu telah ditinggalkan oleh penduduk-penduduk di sana, sehingga pada hari ini.¹²

yang dipimpin oleh ustaz Othman Habsim dari Kolej Islam Kelang.

Pada tahun 1980, Balai Dakwah Islamiyah menganjurkan Ijtima' Kefahaman Islam - terbuka untuk semua peringkat dan berita itu telah tersebar di seluruh masjid di Selangor. Kira-kira 800 hingga 900 orang telah menghadirinya, termasuklah pengikut-pengikut Jemaah Tabligh, yang menyangkakan perhimpunan itu adalah Ijtima' Tabligh yang biasa diadakan.¹³

Selain dari itu, Balai Dakwah juga menganjurkan kursus "Bimbingan Keluarga Muslim yang bertaqwa" pada setiap bulan Ogos, terbuka untuk semua peringkat masyarakat.

ASAS PENGAJIAN

Kelas menghafalal Qur'an telah dimulakan pada bulan 12, tahun 1981. Mula-mula kelas ini, yang dipimpin oleh Hj. Nasoha b. Ahmad, cuma ada 12 orang murid. Kemudiannya terdapat penambahan sebanyak 20 orang lagi.

Pada tahun 1982, pelajar-pelajar perempuan telah diterima untuk memasuki kelas tersebut. Pada tahun ini juga, Hafiz Ahmad b. Mustapha¹⁴ dari India telah menawarkan dirinya sebagai guru Tahfiz, sehingga pada hari ini.

Selain daripada itu, aktiviti Balai Dakwah Islamiyah adalah mengadakan kelas Fardhu 'Ain, yang menggunakan kitab Ihya' Ulumiddin, yang dipimpin oleh Ustaz Othman Ibrahim dari Kolej Islam Kelang.

Adapun matlamat pendidikan Balai Dakwah Islamiyah menurut Hj. Mohd. Amin adalah untuk melahirkan pelajar-pelajar dan alim ulama yang dapat memberikan kepimpinan Islam yang tulen di dalam memimpin umat ini. Adalah diharapkan agar mereka akan terdidik dengan hukum-hukum Islam dan menjadi "mujtahid"¹⁵ pada peringkat tertinggi.

MASALAH YANG DIHADAPI OLEH BALAI DAKWAH ISLAMIYAH

Terdapat tiga masalah besar yang dihadapi oleh Balai Dakwah Islamiyah.

Pertama, adalah kekurangan guru; kedua, kekurangan perbelanjaan untuk menampung guru dan kakitangannya; dan ketiga, bangunan-bangunan madrasahnya yang tidak tersusun.

Atas sebab-sebab ini juga, Balai Dakwah Islamiyah memerlukan derma dari orang ramai berjumlah \$80,000 untuk mengatasi masalahnya.

Meskipun begitu Balai Dakwah ini masih menghadapi kritikan dari pihak tertentu tentang masa depan pelajar-pelajarnya iaitu:

ditakuti penghidupan mereka kelak akan menjadi tidak menentu. Hj. Mohd. Amin juga turut merasa kesal terhadap pandangan serong Kerajaan, terutama UMNO, terhadap Balai Dakwah, Islamiyah.¹⁶

Selain itu terdapat "isu" menyatakan Balai Dakwah menganjurkan supaya belia-belia yang menyertai kursus dakwah anjurannya memakan ubi dan keladi sahaja dan tidak memberikan mereka memakan nasi, ikan dan sayur-sayuran dengan alasan kononnya makanan tersebut diusahakan oleh orang-orang kafir. Tuduhan ini telah dilemparkan oleh Datin Paduka Aishah Ghani seperti yang tersiar dalam akhbar Utusan Malaysia bertarikh 23 Oktober 1983. Berita akhbar menyatakan bahawa Datin Paduka menggesa Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) menyiasat kejadian tersebut yang dianggapnya sebagai "dakwah menyeleweng" dan tindakan hendaklah diambil sekiranya dakwaan itu didapati benar. Justeru kerana itu "isu" ini telah menjadi perhatian umum.¹⁷

Akhirnya, Datin Paduka Aishah Ghani telah mengeluarkan kenyataan meminta maaf kepada Balai Dakwah Islamiyah terhadap hal tersebut.¹⁸

NOTAKAKI

1. Kesemua daripada maklumat di dalam bahagian kedua ini adalah hasil dari temuduga pengkaji dengan Hj. Mohd. Amin Hj. Abdul Aziz.

2. Ustaz Zulkiflee Muhammad merupakan bekas Naib Presiden PAS (1956-1964). Beliau bertanding sebagai wakil PAS di Jeram, Selangor tahun 1955, tetapi tewas dengan majoriti yang banyak.
3. Salah seorang pengasas PAS. Pernah menjadi Ketua Pemuda PAS yang pertama, juga Setiausaha Agung Naib Presidennya. Pada bulan Jun 1962, beliau keluar dari PAS dan memasuki UMNO.
4. Hj. Shahar b. Sulaiman dilahirkan pada tahun 1930 di Pelabuhan Kelang. Beliau menuntut ilmu agama, kebiasaannya di waktu malam, kerana di siang hari, beliau bekerja menanggung ibunya. Antara guru-guru yang pernah mengajarnya adalah Tuanku Mahmud Zuhdi, bekas Shaykul Islam, Selangor; Tuan Guru Hj. Shahabuddin; Almarhum Tuan Mufti Hj. Yusuf; dan Hafiz Mohd. Bukhari, iaitu bekas mudir Sekolah Arab Kampung Jawa, Kelang, yang mana di bawahnya Hj. Mohd. Shahar dapat menghafal keseluruhan dari Al Quran. Beliau menjadi guru besar Sekolah Agama di Jeram selama 28 tahun iaitu dari tahun 1963-1981. Menurut Hj. Shahar, beliau telah menjalankan kegiatan dakwah sejak 18 tahun lalu - dan beliaulah orang yang pertama memperkenalkan tudung aurat wanita di kalangan masyarakat, sejak 18 tahun lalu. Beliau membantu dalam kegiatan dakwah Balai Dakwah Islamiyah; di samping pernah mengikuti usaha dakwah Jemaah Tabligh, sehingga sampai ke Bangladesh. Kini beliau telah bersara dari tugasnya sebagai seorang guru agama.
5. Tan Sri Syed Nasir b. Ismail pernah menjadi Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka. Beliau bertanggungjawab mengenai mempopularkan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan. Walaupun beliau popular di kalangan ahli-ahli UMNO, tetapi tidak pernah dilantik menjadi ahli kabinet menteri kerana tentangan daripada MCA.
6. Ahmad Rasul Abd. Rahman bersama-sama dengan Hj. Mohd. Amin adalah pengasas Balai Dakwah Islamiyah. Pada mulanya, Ahmad Rasul meminta Hj. Mohd. Amin mengajarkannya ilmu-ilmu agama kerana menyedari akan kekurangan dirinya mengenai ilmu agama. Kini Ahmad Rasul lebih bergiat di dalam usaha dakwah Jemaah Tabligh, Kuala Lumpur.
7. Hj. Nasoha b. Ahmad adalah seorang tenaga yang penting di Balai Dakwah Islamiyah. Beliau dilahirkan pada tahun 1947. Pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan Melayu, Batu Pahat. Dia mula belajar agama di sebuah Sekolah Agama, di bawah Kerajaan Negeri Johor. Kemudian berpindah ke Kampung Kuantan,

Kuala Selangor, Selangor. Selama 4 tahun, beliau belajar di sebuah Sekolah Arab. Pada tahun 1964, beliau bertemu dengan Ustaz Mohd. Amin dan Ustaz Shahar. Pada tahun 1970, beliau telah pergi belajar di Darul 'Ulum, Deoband, India. Beliau belajar selama 2 tahun, dan dapat menghafal 10 juzuk dari Al Quran. Pada tahun 1972-1973, beliau belajar di Madrasah Manabi 'ul Ulum, Penanti, Bukit Mertajam. Kemudian beliau membuka madrasah Al Baqiyatul Salihah, di Pulau Langkawi. Berkhidmat di sana selama 6 tahun iaitu pada tahun 1973-1978. Pada tahun 1979, beliau pergi ke Jeram dan bertemu semula dengan Ustaz Mohd. Amin, dan memulakan kursus dakwah pada tahun 1979. Pada tahun 1981, beliau menjadi tenaga pengajar kepada kelas tafsir yang pertama; dan kini masih tetap menjadi tenaga pengajar di Balai Dakwah Islamiyah.

8. Kursus Asas Pengenalan Islam selama 40 hari ini, biasanya diadakan pada awal tahun. Ianya dikhaskan terutama kepada pelajar-pelajar lelaki dan perempuan, yang sedang menunggu keputusan peperiksaan SPM dan STPM. Kursus ini diadakan setahun sekali, dan masih tetap dijalankan oleh Balai Dakwah Islamiyah sebagai program dakwahnya yang penting.
9. Jemaah Tabligh adalah sebuah gerakan dakwah Islamiyah yang terkenal di seluruh dunia. Ianya telah dimulakan oleh Maulana Muhammad Ilyas (1885-1944) di India, di negeri Mewat, Selatan New Delhi. Maulana Ilyas memulakan usaha dakwah ini pada tahun 1930an. Kemudiannya, Jemaah Tabligh telah berkembang keluar dari India, sehingga juga di Amerika Syarikat, Britain dan Jepun. Jemaah Tabligh telah sampai di Kuala Lumpur pada tahun 1952, oleh seorang ulama bernama Maulana Abdul Malik Madani. Tetapi, Jemaah ini hanya berkembang giat sejak awal tahun 1970an dan 1980an sahaja.
Lihat: Mohammad Ghazali b. Ali, Tabligh Jamaat Kuala Lumpur: Satu Kajian ke atas Pemikiran, Organisasi dan Teknik Kerjanya. Kertas Projek Diploma Pentadbiran Awam, Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran, Universiti Malaya Disember 1981.
Lihat juga: M. Anwarul Haq, The Faith Movement of Maulana Mohammad Ilyas, George Allen and Unwin Ltd. London, 1972.
10. Seorang jurutera kapal. Beliau mula bergiat dengan Jemaah Tabligh, semasa belajar di United Kingdom.
11. Iaitu berpusing-pusing. Melawat dari rumah ke rumah, dan lorong ke lorong menemui seorang ke seorang yang lain untuk mencari keredhaan Allah, dengan cara mengajak mereka supaya mentaati perintah Allah dan RasulNya.

12. Penghapusan amalan khurafat Mandi Pantai di bulan Safar itu menunjukkan kesan dari usaha dakwah dan ziarah serta doa yang dilakukan oleh orang-orang berkenaan.
13. Ijtima' atau perhimpunan sering dilakukan atau diadakan oleh Jemaah Tabligh. Ijtima' terbesar dalam sejarah dakwah di Malaysia diadakan pada bulan November 1982 di Trengganu.
14. Dilahirkan tahun 1956. Berasal daripada Madras, India. Beliau telah tamat menghafal Al Quran sewaktu berumur 12 tahun. Dia boleh berbahasa Arab, Urdu, Farsi dan bahasa Malaysia. Beliau telah mempelajari keseluruhan dari Misykatul Masabih, sebahagian dari Bukhari, Ibn Majah dan Tirmidhi. Beliau juga adalah seorang ahli tariqah Sheikh Abd. Qadir Al Jilani, yang didapatinya dari ayahnya sendiri. Sebelum mengajar di Balai Dakwah Islamiyah, hafiz ini telah menjadi Imam di Masjid Al Abrar, Sicily Street, Singapura.
15. Seorang yang layak mengeluarkan ijtihad dan fatwa mengenai perkara-perkara baharu, berpandukan kelayakannya di dalam ilmu al Quran, al Hadith, Usul Fiqh dan lain-lainnya.
16. Persoalan ini telah ditimbulkan oleh mufti negeri Selangor, juga Agama Islam negeri Selangor, berikutan tinjauan yang mereka buat, setelah terjadinya fitnah 'ubi dan keladi' yang dituduh terhadap Balai Dakwah Islamiyah.
17. Menurut Hj. Mohd. Amin, perkara makan ubi dan keladi tersebut telah dimulakan oleh seorang ahli Undangan Dewan Negeri Selangor yang sekarang telah dipecat oleh UMNO kerana soal akhlaknya, yang kemudiannya telah disampaikan kepada Datin Paduka Aishah Ghani, ketika itu Ketua Pergerakan Wanita UMNO merangkap Menteri Kebajikan Am.
18. Datin Paduka kemudiannya mengaku kejahlannya mengenai perkara tersebut, dan telah meminta maaf secara resmi kepada Balai Dakwah. Malangnya, perkara yang tidak benar itu telah diperbesar-besarkan oleh akhbar-akhbar tempatan. Selain dari Utusan Malaysia, 23 Oktober 1983, lihat juga akhbar Utusan Melayu 25 dan 26 Oktober 1983, serta Watan 15 November 1983.

dengan Islam dan berjaya mengajar jenah-jenah Islam. Mereka

BAB KEEMPAT

terdiri daripada 10 orang dari jenah-pelajar Dakwah Islamiyah, 50

orang dari jenah Tahfiz dan 20 orang dari Aswakat Belia Islam

Malaysia (ASBIM). Mereka ini mengantar anak-anak mereka atas

kendaraan dan bekerjasama untuk mengajar pendidikan Islam.

Terdapat tiga peribadi penting yang menjayakan pendidikan

di Balai Dakwah Islamiyah, Jeram, Selangor. Yang pertama, adalah

Hj. Mohd. Amin Hj. Abdul Aziz,¹ pengasas dan mudir madrasah ini;

kedua ialah Hj. Nasoha b. Ahmad² selaku penyelaras pendidikan; dan

ketiganya, Hafiz Ahmad b. Mustapha³ yang menjadi guru kepada pelajar

lelaki di dalam kelas Tahfiz al Qur'an.

Ketiga-tiga peribadi ini merupakan ahli Islam yang berjaya mengajar dan

mengantar anak-anak mengikuti tejak lengkap mereka itu.

Seperti yang telah disebut di bahagian yang lalu, kelas

tahfiz al Qur'an telah dimulakan di madrasah ini pada tahun 1981,

dengan pelajarnya berjumlah cuma 12 orang sahaja. Kini pada awal

1984, sewaktu kajian ini dibuat, jumlah pelajar adalah 150 orang

kesemuanya, iaitu 80 lelaki dan 70 perempuan. Kebanyakan mereka

adalah berumur di antara 6 hingga 20 tahun.⁴

LATAR BELAKANG PELAJAR-PELAJAR

Untuk meneliti perkara ini, perlulah kita mengetahui

kategori ibu bapa pelajar serta sebab-sebab mereka mengantar anak-anak mereka ke Balai Dakwah Islamiyah ini.⁵

Golongan yang pertama, terdiri daripada ibu bapa yang faham

dengan Islam dan bergiat pula di dalam jemaah-jemaah Islam. Mereka terdiri daripada 10 orang dari jemaah Balai Dakwah Islamiyah, 50 orang dari Jemaah Tabligh dan seorang dari Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM). Mereka ini menghantar anak-anak mereka atas kesedaran dan keyakinan mereka tentang pentingnya pendidikan Islam untuk anak-anak mereka, kerana pegangan agama ini menjadi pedoman dalam kehidupan. Mereka percaya anak mereka dapat menjadi guru agama atau pemimpin dalam masyarakat.

Golongan kedua, adalah yang faham mengenai Islam, tetapi tidak terlibat dengan jemaah Islam. Sebab mereka menghantar anak mereka ke sini, adalah sama seperti golongan pertama tadi.

Golongan ketiga pula, adalah mereka yang tidak memahami Islam, tetapi ingin agar anak-anak mereka menjadi orang Islam yang lebih baik daripada diri mereka sendiri. Ertinya, mereka menyedari kehidupan mereka yang jauh dari Islam, dan berkeinginan agar anak-anak mereka tidak menurut jejak langkah mereka itu.

Golongan keempat pula, adalah yang menghantar anak-anak mereka kerana kenakalan atau kebodohan anak-anak mereka itu. Kadang kala, anak terlalu nakal dan tidak dapat dijaga di rumah lagi, maka dihantar ke sini. Ataupun ada yang telah gagal SRP, lalu dihantar ke sini. Jumlah mereka ini, adalah antara 30 hingga 40 orang semuanya.⁶

Mengenai latar belakang pelajar, menurut Hj. Amin, kebanyakannya pelajar-pelajar di sekolah ini, terdiri dari anak orang-orang susah, terutamanya anak-anak ahli Jemaah Tabligh.

Hj. Nasoha memberi statistik pukulrata mengenai ekonomi pelajar seperti berikut:

15% terdiri dari kalangan susah (miskin)
50% terdiri dari kalangan sederhana
35% terdiri dari kalangan mewah.

Oleh kerana ramai pelajar dari latar belakang keluarga miskin, Balai Dakwah hanya mengenakan bayaran sebanyak \$40 sebulan sahaja bagi setiap pelajarnya. Sudah tentu, jumlah sebanyak itu tidak mencukupi untuk makanan harian pelajar-pelajar itu. Oleh itu, Balai Dakwah Islamiyah terpaksa menanggungnya. Ini dilakukan melalui tabung kebaikan madrasah ini, yang membayar air, letrik dan lain-lainnya.⁷

JADUAL WAKTU PENGAJIAN⁸

Bagi pelajar-pelajar peringkat terendah, dan juga pelajar untuk pelajar-selajarnya, masing-masing menutup surat tidak seperti Kelas Bahasa Arab, pengajian bermula dari pukul 7 pagi hingga 12.00 tengah hari.

oleh satu uniform.¹¹

Bagi pelajar-pelajar Tahfiz al Qur'an kursus mereka sangat intensif. Mereka dikehendaki melancarkan bacaan al Qur'an sebelum subuh. Entinya, mereka akan bangun sebelum subuh, dan kira-kira 30 minit sebelum masuk waktu subuh akan tidur semula. Kelas Tahfiz akan dimulakan semula pada 7 pagi sehingga 8.30 pagi. Kemudian sarapan pagi diberikan. Kelas bermula semula jam 9.30 pagi sehingga-lah jam 12.00 tengah hari. Selepas zuhur, kelas berjalan dari jam 2.00 tengah hari sehingga jam 4.30 petang. Akhirnya, kelas akan disambungkan sebaik selepas maghrib hingga jam 9.00 malam - di-berhentikan sebentar untuk sembahyang Isya'.⁹

Pelajar-pelajar akan berihat selepas waktu asar, dengan bermain-main seperti bermain sepakraga bulatan, dan lain-lainnya.¹⁰ Sekali sekala di hari Jumaat, yang merupakan hari cuti di sini, pelajar-pelajar madrasah ini akan pergi ke Pantai Jeram untuk bermandi laut di situ. Pada hari Jumaat juga, mereka akan bergotong-royong membersihkan madrasah. Pada hari yang sama, pelajar-pelajar akan secara berjemaah berjalan menuju masjid mengerjakan sembahyang Jumaat. Kebiasaananya, setiap seorang dari mereka, pada hari Jumaat itu, akan memakai serban putih, kopiah, dan jubah putih. Walau bagaimanapun, nampaknya Balai Dakwah Islamiyah ini tidak menetapkan pakaian terkhas untuk pelajar-pelajarnya, memadailah menutup aurat; tidak seperti Darul Arqam yang terkenal dengan pakaian jubah dan serbannya - seolah-olah satu uniform.¹¹

Bagi pelajar-pelajar perempuan pula, nampak satu ciri yang hampir serupa. Kebiasaan pelajar-pelajar perempuan di sini akan memakai pakaian serba hitam, dan juga berpurdah¹² - iaitu menutup muka mereka masing-masing.

Guru-guru di sini mendapat gaji yang rendah sahaja. Ini disebabkan kewangan Balai Dakwah Islamiyah yang kurang mantap. Hafiz Ahmad b. Mustapha, misalnya, cuma mendapat \$400 kerana khidmatnya. Ustaz Zulkifli, yang berasal dari Indonesia mengajar Bahasa Arab, Fiqh, Tawhid dan Tarikh, mendapat \$200 sebulan. Seorang Ustaz lagi bernama Yaakub Hu sain mengajar kelas terendah iaitu Ibtidai, yang mengambil masa selama 2 tahun. Cikgu Radzi, seorang guru sekolah rendah di Jeram, yang dicadangkan untuk mengajar Bahasa Malaysia dan Ilmu Hisab kepada pelajar-pelajar madrasah ini, melakukan perkhidmatan percuma.

Sebelum membincangkan mengenai rangka pendidikan yang dicadangkan di Balai Dakwah Islamiyah ini, berikut adalah kitab-kitab yang dicadangkan untuk digunakan di masa hadapan di madrasah ini.¹³

CBUZ.

Kitab-kitab
mengenai hadith;
Umsul Hadith
dan Mustalahul
Hadith

Tak ditetapkan

UUL TAFSIR NAJJUL TAFSIR
UUL FIQH WARAQI

3-4 TAHUN

PELAJARAN	KITAB	JANGKA MASA PELAJARAN
TAWHID	MATN SANUSI KIFAYATUL AWAM	2 TAHUN 2 TAHUN
FIQH	TAQRIB FATH-UL-QARIB FATH-UL-MUIN IQNA'	1 TAHUN 2 TAHUN 2 TAHUN 2 TAHUN
TAFSIR	Mengenai Juz Amma JALALAIN BAIDAWI	2 TAHUN 3 TAHUN 3 TAHUN
HADITH	HADITH 40 (An Nawawi) MATN ABI JUMRAH BULUGHUL MARAM RIADHUS SALIHIN	2 TAHUN 2 TAHUN 2 TAHUN 2 TAHUN
USUL	Kitab-kitab mengenai hadith; Ulumul Hadith dan Mustalahul Hadith	Tak ditetapkan
	USUL TAFSIR NAHLUL TAFSIR USUL FIQH WARAQAT	3-4 TAHUN

RANGKA PENDIDIKAN BALAI DAKWAH ISLAMIYAH¹⁴

Apa yang berikut ini adalah perancangan rangka pendidikan yang dicadangkan oleh madrasah ini. Perlu disebutkan di sini, bahawa pada masa kajian ini dibuat, cuma ada 3 jenis pengajian sahaja, iaitu Kelas Peralihan Arab, Kelas Tahfiz Al Quran dan Kelas Bahasa Arab Rendah. Tenaga pengajar di madrasah ini hanya menumpukan perhatian mereka kepada kelas-kelas tersebut.

Peringkat-peringkat yang lebih tinggi belum diadakan lagi kerana pelajar-pelajarnya masih lagi di peringkat rendah pendidikan Islam ini. Lagi satu sebab adalah kesukaran madrasah ini mencari guru-guru yang sanggup mengajar dengan tangga gaji yang begitu rendah. Walau bagaimanapun, adalah diharapkan di masa hadapan masalah ini akan dapat diselesaikan.

Berikut adalah rangka pendidikan Balai Dakwah Islamiyah sebagaimana yang dicadangkan oleh mereka yang bertanggungjawab padanya.

Peringkat pendidikan di Balai Dakwah Islamiyah ini terbahagi kepada enam peringkat berdasarkan kepada umur yang menasabah seberapa mungkin.

Pertama, adalah kelas Peralihan Arab/Tahfiz. Peringkat ini memakan masa dua tahun yang dimulakan pengajiannya dari umur 8 tahun hingga umur 9 tahun. Pengajian peringkat ini adalah peringkat terendah dari pengajian ini, di mana pelajar-pelajar diajar mengenal huruf-huruf al Qur'an, dan dikehendaki untuk khatam keseluruhan dari al Qur'an sekurang-kurangnya sekali. Setelah ini, bolehlah mereka dinaikkan ke kelas Tahfiz al Qur'an.

Kedua, adalah kelas Tahfiz al Qur'an. Pelajar-pelajar dijangka dapat menghafalkan keseluruhan daripada al Qur'an itu dalam masa 4 tahun. Walau bagaimanapun, bukan semua pelajar yang akan berjaya menghafal seluruh dari al Qur'an itu. Menurut Hafiz Ahmad b. Mustapha, hanya orang-orang yang terpilih sahaja dan dikasihi oleh Allah dapat menghafal seluruh dari al Qur'an itu.

Ketiga, adalah kelas Bahasa Arab Rendah atau Marhalah Ibtidaiyah. Setelah pelajar-pelajar tamat menghafal al Qur'an, ataupun tidak, mereka akan meneruskan pelajaran di peringkat ini. Peringkat ini memakan masa selama 4 tahun dan tanpa mengira umur pada peringkat kelas Tahfiz al Qur'an, ianya dimulakan dari umur 10 hingga 13 tahun. Pengajian peringkat ini menekankan kecekapan menulis, membaca, mengira dan menghafal dalam Bahasa Arab dan Bahasa Malaysia, dengan sedikit tambahan dalam Bahasa Inggeris (sekiranya terdapat guru untuk ini). Latihan amali pada peringkat asas adalah

dipentingkan.

Keempat, adalah peringkat Menengah Rendah atau Marhalah Thanawiyah Mutawassitah. Peringkat ini memakan masa selama 4 tahun yang disesuaikan dengan umur antara umur 14 tahun hingga 17 tahun. Pengajian peringkat ini menekankan pendidikan ilmu-ilmu alat (nahu tatabahasa dan seumpamanya) dalam peringkat asas serta fardhu 'ain di samping meneruskan didikari membaca, menulis, mengira dan menghafal. Latihan-latihan berdikari akan ditanam menerusi latihan-latihan keterampilan seperti berternak, bertani, bertukang dan berniaga dan lain-lainnya. Pengajian menerusi kitab-kitab tradisional mula diperkenalkan dalam peringkat ini di samping melanjutkan peranan tadrib (latihan amali dan riadhah) yang berjalan dalam peringkat rendah dahulu.

Kelima, adalah peringkat Menengah Atas atau Marhalah Thanawiyah 'Aliyah. Peringkat ini memakan masa selama 2 tahun yang disesuaikan dengan umur antara 18 hingga 19 tahun. Pengajian dalam peringkat ini merupakan satu pembaharuan dalam pendidikan di Malaysia, di mana menurut Hj. Nasoha, pada tahun pertama pelajar-pelajar akan dikhurusukan mempelajari hadis An Nabawiyyah, manakala pada tahun-tahun kedua pula, adalah mengenai tafsir Al Quran.

Keenam, adalah peringkat Tinggi atau Marhalah Al Qismul 'Ali.

Peringkat ini adalah merupakan peringkat kemuncak dalam sistem pengajian di Markaz ini. Peringkat ini dibahagikan kepada tiga kuliah iaitu Kuliah Al Mualimin (Perguruan Islam), Kuliah Al Dakwah wal Uskhub (dakwah dan methodologinya), serta Kuliah Al Futa' wal Qudha' (perundangan Islam). Pengajian dalam peringkat ini lebih dititik-beratkan kepada pengajian kitab-kitab terkenal yang pernah menjadi rujukan dalam bidang-bidang keilmuan yang tertentu. Peringkat ini bertujuan untuk mendalami dan memahirkan ilmu menerusi huraian-huraian yang lebih mendalam dan memahirkan ilmu menerusi huraian-huraian yang lebih mendalam dari tuan-tuan guru yang mahir yang menjadi tenaga pengajar tetap dan sambilan di madrasah ini. Di samping belajar, para pelajar di peringkat ini turut bertanggungjawab untuk menjalani latihan mengajar di peringkat bawah dan membuat kajian (al bahthul ilmi) serta latihan ketrampilan dan sebagainya. Ini mengambil masa selama dua tahun antara umur 20-21 tahun.

Perlu disebutkan di sini bahawa di peringkat Menengah Rendah dan Atas, sukanan pelajarannya adalah didasarkan kepada kitab-kitab yang dipilih sebagai teks yang mesti diselesaikan pengajiannya dari awal kitab hingga ke akhirnya.¹⁵ Hafalan-hafalan terutamanya terhadap qaidah-qaidah ilmu yang tertentu adalah dititikberatkan di samping latihan-latihan harian dan mingguan.

Pelajar-pelajar yang tidak layak meneruskan pengajian dalam peringkat tinggi akan disalurkan kepada salah satu di antara dua saluran yang berikut:

Pertama, saluran Kursus Perubatan Homoopathy yang boleh dicapai peringkat asasnya dalam masa dua tahun sekurang-kurangnya.

Kedua, ketrampilan yang akan menumpukan secara asas menjelang keluarnya penuntut ke tengah-tengah masyarakat sebagai usahawan-usahawan, peniaga-peniaga, pekebun-pekebun dan pekerja-pekerja mahir dan seumpamanya. Peringkat ini akan memakan masa selama 2 tahun.

Peringkat Pra Sekolah, iaitu Taman Didikan Kanak-kanak Islam berjalan bebas dari pentadbiran dan pengurusan serta ikatan dengan Balai Dakwah Islamiyah.

Setelah pelajar-pelajar tamat pengajian di peringkat Qismul 'Ali (Bahagian Tertinggi) di madrasah ini, mereka bolehlah melanjutkan pelajaran ke Universiti-universiti di luar negeri dalam bidang ilmu-ilmu keagamaan seperti usuluddin, syariah, al Qur'an, Hadith dan lain-lainnya.¹⁶

SUKATAN PELAJARAN

Sukatan pelajaran di Balai Dakwah Islamiyah ini didasarkan

kepada penghafalan al Qur'an di peringkat Tahfiz, serta latihan membaca, menulis dan mengira dalam peringkat Rendah (Ibtidaiyah). Al Qur'an-ul-Karim akan menjadi teks utama di dalam latihan-latihan yang tersebut di samping lain-lain teks tambahan di dalam bahasa Arab dan bahasa Malaysia.

Di peringkat Menengah, penumpuan diberi terhadap menghafal Qaidah-qaidah ilmu yang dipelajari menerusi teks-teks tradisi yang sederhana di samping teks-teks moden yang sesuai.

9. Op. Cit.

10. Lihat *Contoh Soal dan Jawapan* mendalami ilmu-ilmu al Qur'an dan Al Hadith, dengan pengkhususan kepada kedua-duanya, dengan menggunakan teks-teks tradisional dan moden yang sesuai.

11. Lihat *Op. Cit.*, *Lilat* dan *Matematik*, "Kertas 2: Tafsirayat".

Manakala di peringkat tinggi (Al Qismul 'Ali) pengajian ditumpukan dalam soal-soal memahami dan mendalami masalah-masalah bagi tiap-tiap ilmu serta latihan-latihan mengkaji dalam rupa bentuk bahath (research), risalah (thesis) dan seumpamanya.

NOTAKAKI

1. Lihat Bahagian Kedua, dari kajian ini.
2. Lihat Ibid.
3. Lihat Ibid.

4. Temuramah dengan Hj. Nasoha b. Ahmad.
5. Op. Cit.
6. Inilah masalah yang sering dihadapi oleh sekolah-sekolah agama, kerana ibu-bapanya hanya menghantar anak-anak mereka ke sana, hanya apabila didapati anak-anak mereka gagal dalam pelajaran-pelajaran di sekolah-sekolah akademik. Ertinya masyarakat masih menganggap seolah-olah sekolah agama adalah tempat pendidikan untuk anak-anak yang tercicir. Hal ini perlu diatasi, sekiranya masyarakat mahu melahirkan ulama-ulama yang berkalibar di masa hadapan, dengan cara menghantar anak-anak mereka ke sekolah-sekolah agama sejak awal-awal lagi.
7. Temuramah dengan Hj. Nasoha b. Ahmad.
8. Op. Cit
9. Op. Cit.
10. Lihat gambar-gambar di Lampiran 1
11. Lihat Hj. Ashaari b. Mohammad, Huraian Ke Arah Membangun Negara dan Masyarakat Islam, Kuala Lumpur, 1983, hal. 81.
12. Temuramah dengan Hj. Nasoha b. Ahmad.
13. Op. Cit. Lihat juga Naemat Yusuf, "Markaz At Tarbiyat 'Ul-Islamiyah" (Markaz Pendidikan Islam), Mukim Derang, Kota Setar, 1982. (Tidak diterbitkan).
14. Naemat Yusuf, Ibid.
15. Lihat, Lampiran 2.

BAB V

PERANAN DAN PENGARUH PENDIDIKAN ISLAM TRADISIONAL

Madrasah seperti Balai Dakwah Islamiyah adalah satu lembaga pendidikan Islam "tradisional".¹

Tujuan daripada pendidikan Islam tradisional boleh dilihat melalui mata-pelajaran yang diajarkan di dalamnya. Bolehlah dikatakan bahawa maksud utama adalah menyampaikan ketauhidan dan penentuan Islam seperti yang terdapat di dalam Al Qur'an dan As Sunnah atau dengan kata lain menurut segala norma kehidupan Rasulullah s.a.w. (yang boleh didapati dalam pelajaran tauhid).²

Selain daripada itu, maksud pendidikan ini adalah untuk memberikan ilmu yang mendalam mengenai kerohanian dalam Islam kepada pelajar untuk melaksanakan tugas asas amalan Islam-arkanul-Islam. Daripadanya, ianya berkembang untuk meliputi tugas-tugas manusia di dalam keseluruhan hidupnya. Ini diterangkan melalui istilah-istilah kerohanian 'ibadah (untuk yang baharu memulakan perjalanan kerohaniannya), 'ubūdīyah (untuk mereka yang telah maju sedikit dalam usaha kerohaniannya), dan 'ubudah (untuk yang telah sampai ke tahap terakhir dari perjalanan kerohaniannya). Di Balai Dakwah Islamiyahnya, sembahyang secara berjemaah dilaksanakan. Pelajar-pelajar bangun awal-awal subuh lagi untuk bersedia untuk melaksanakan

sembahyang subuh. Selain daripada itu, majlis Qiam-ul-lail, iaitu melaksanakan ibadat di malam hari sering dilakukan. Di samping pembacaan ayat-ayat suci al Qur'an, bacaan zikir al Mâtsurat dilakukan setiap selepas subuh dan asar.³

Pendidikan ini bertujuan memberikan pelajar dan masyarakat Islam pernyataan-pernyataan di dalam kehidupan sebenar mengenai nilai-nilai kerohanian, moral dan ethika. Sifat-sifat seperti kebijaksanaan (al-hikmah), kesederhanaan (al-iffah), keberanian (al-shajâ'ah) dan keadilan (al-adalah) dan cabang-cabang mereka, terdapat keseluruhannya di dalam sistem pendidikan Islam tradisional ini untuk pendidikan moral dan ethika masyarakat. Kesempurnaan moral dan ethika yang berkesan hanya boleh tercapai di dalam pendidikan seumpama ini.⁴

Melalui pendidikan kepada pelajar maka masyarakat Islam secara tidak langsung mendapat ilmu yang sebenarnya melalui kitab-kitab yang muqtabar dan berwibawa mengenai syariah Islam agar mereka boleh mendisiplinkan usaha-usaha individu dan kolektif mereka menurut Syariah. Mata-pelajaran utama pendidikan ini adalah Syariah atau undang-undang Islam yang membolehkan untuk memahami lain-lain disiplin di dalam mengkaji Islam. Pendidikan inilah yang telah menjamin ketinggian Syariah mengatasi undang-undang buatan manusia di dalam kehidupan masyarakat.⁵

Pendidikan ini juga bermaksud menyediakan ilmu yang diperlukan di dalam Bahasa Arab dan sasteranya untuk membolehkan pelajar-pelajarnya membaca dan memahami teks-teks Islam seperti al Qur'ān, Hadis, undang-undang, tasawwuf, usūlu'd-Dīn, sejarah dan teks-teks metafizika. Selain daripada Bahasa Arab, banyak madrasah jenis ini menggalakkan pelajar-pelajarnya mempelajari Bahasa Malaysia untuk membantu mereka untuk mempelajari teks-teks Islam dalam Bahasa Malaysia di dalam pelbagai cabang ilmu Islam seperti Tafsir, Hadis, Fiqh, Usulu'd-Dīn dan Tasawwuf.⁶

Perhubungan guru-murid telah diterangkan sebelum ini. Tuan Guru selayaknya adalah seorang yang sangat 'alim, sabar, bertimbang rasa, bijaksana, pemurah dan memahami perlakuan anak muridnya. Manakala pelajar-pelajarnya mesti menghormatinya, seharusnya ikhlas, rajin, patuh dan lain-lainnya. Ini boleh dilihat antara lainnya di dalam Bidāyatū'l-Hidāyah karangan al Ghazālī.⁷

Dengan lain perkataan, seorang guru bukan semata-mata mengajar ilmu-ilmu Islam tetapi juga pembimbing kerohanian yang memerhatikan perkembangan rohani pelajar-pelajarnya. Amalan Islam yang biasa di dalam hal ini adalah mewajipkan kehadiran pelajar-pelajarnya di dalam sembahyang berjemaah, seperti yang dilakukan di Balai Dakwah Islamiyah. Selain daripada itu juga, sering dilakukan dhikru'Llāh beramai-ramai. Seperti yang telah disebutkan sebelum

ini, di Balai Dakwah Islamiyah, bacaan al Matsurat dilakukan secara beramai-ramai selepas sembahyang subuh dan asar berjemaah setiap hari.⁸

Ada beberapa hal yang dapat dilihat mengenai sumbangan pendidikan Islam tradisional kepada masyarakat yang antara lain adalah sebagai berikut:

Pertamanya, sistem pendidikan Islam tradisional mempertahankan pengajaran Islam yang murni dan diterapkan sedapat mungkin dalam norma dan nilai kehidupan yang terbatas keluasan kerana mereka tinggal di bawah penjajahan di waktu itu.

Kedua, sistem ini telah membina perasaan kerohanian manusia terhadap Penciptanya - melalui pelajaran tasawwuf. Pendidikan ini bertanggungjawab untuk sikap ethika orang-orang Islam terhadap kewujudan dan kehidupan serta permasalahannya. Ianya membolehkan mereka mempunyai sejenis tahap ketinggian moral dan ethika.⁹

Ketiga, pendidikan Islam tradisional ini bertanggungjawab terhadap ketaatan orang-orang Islam terhadap Syariah. Ini menjadikan mereka berupaya mengekalkan kewibawaan mereka sebagai umat yang mempunyai Risalah Ilahi untuk dunia ini.¹⁰

Keempat, di samping mempertahankan unsur-unsur yang baik

dalam warisan kehidupan, pendidikan ini tidak menentang perkara yang baik dalam lapangan sains dan teknologi.

Selanjutnya, pendidikan ini bertanggungjawab kerana penyebaran Bahasa Melayu sebagai bahasa Islam; juga kerana penyebaran Bahasa Arab sebagai bahasa untuk mengajar ajaran Islam selain daripada kedudukannya sebagai bahasa peribadatan; dan akhirnya, ia adalah bertanggungjawab kepada sikap suka kepada keamanan penduduk di sebelah sini.¹¹

KRITIK TERHADAP PENDIDIKAN INI

Terdapat beberapa pandangan atau kritik mengenai kedudukan pendidikan Islam tradisional yang perlu diperhatikan. Antara lain adalah seperti berikut:

Pertamanya, adalah mengenai syllabus atau kurikulum pelajaran di pendidikan ini dalam aspek pengajaran Bahasa Arab, Syariah, usūlu'd-Din dan ilmu-ilmu moden.

Mengenai Bahasa Arab, kaedah yang sering digunakan di dalam mempelajarinya adalah dengan menghafalkan nahu-nahu Bahasa Arab - termasuklah Sarf, Arudh, Qawafi dan lain-lainnya. Kaedah pembelajaran Bahasa Arab cara begini sering digunakan di pondok-pondok seperti Pondok Pasir Tumbuh, Kota Bharu, Kelantan misalnya. Tidak dapat di-

nafikan bahawa kaedah ini boleh berkesan di dalam membolehkan pelajar-pelajar membaca teks Arab, tetapi kaedah ini mengambil masa yang panjang, di samping kadang-kala pelajar-pelajarnya tidak berupaya untuk bertutur di dalam Bahasa Arab. Adalah disyorkan agar kaedah pembelajaran Bahasa Arab menggunakan kaedah termoden seperti diajar di Universiti-universiti Islam; juga dengan mengadakan Pusat Bahasa untuk maksud ini.

Teks-teks fiqh yang diajar di institusi-institusi pendidikan Islam tradisional di Malaysia pada umumnya, menumpukan kepada fiqh madhab Syafie semata-mata. Seharusnya diajarkan juga fiqh madhab-madhab lain seperti madhab Hanafi, Maliki, Hanbali, Jaafari dan Zaydiyah.¹² Ini dilakukan setelah pelajar matang dalam nadhab Syafie. Pelajar juga hendaklah diajar tidak semata-mata untuk bertaklid kepada kitab-kitab sahaja, tetapi berupaya untuk berijtihad sepetimana yang ditunjukkan di dalam Tariq Syah Waliullah.¹³ Selain dari itu, sekiranya boleh diajar juga undang-undang Malaysia sebagai perbandingan.

Di dalam usūlū'd-Din terlalu banyak pembaharuan (tajdid) perlu dilakukan oleh pendidikan tradisional ini. Syllabus dan teks-teks yang lama itu tidak memadai. Ini tidak bererti menafikan teks-teks utama oleh al Ash'a'ri dan Maturidi serta al Ghazālī dan lain-lain ulama Sunnah. Tetapi, yang dimaksudkan adalah persoalan-

persoalan seperti al Asabiyyah,¹⁴ Secularism¹⁵ dan Pragmatism serta lain-lain falsafah moden, yang tidak dibicarakan oleh ulama-ulama Islam yang lalu. Oleh itu, perlulah difikirkan cara bagaimana penyelesaian Islam mengenai hal-hal ini, termasuklah dengan mengkaji karya-karya sarjana Islam mutakhir seperti Maududi, Sayyid Qutb, Tabatabai, Mottahari, Nadwi, Sayyed Hossein Nasr, Shariati dan lain-lainnya.¹⁶ Di dalam hal ini falsafah barat seperti oleh yang Betrand Russel perlu dikaji.¹⁷

Selain daripada itu beberapa ilmu-ilmu moden seperti ekonomi, sosiologi, sains, astronomi, perubatan (seperti perubatan homeopathy), hisab dan lain-lainnya perlu dikaji oleh pendidikan Islam agar dapat dicari jalan penyelesaian menurut Islam - juga boleh berperanan untuk 'mengIslamisasikan' ilmu-ilmu moden itu.¹⁸

Kedua, mengenai tanggapan bahawa pendidikan Islam ini tidak memberi jaminan pekerjaan kepada pelajar-pelajarnya. Jawapannya adalah kecenderungan memandang pendidikan berhubungan dengan 'kerja' itu adalah dari segi ajaran dan akhliah serta rohaniyyah yang palsu. Dalam Islam, soal mencari sumber kehidupan dunia - dalam konteks Takdir dan Tadbir Ilahi - adalah perkara yang tidak perlu dihubungkan dengan pengajian agama. Kalau ini diniatkan dari mulanya, menurut al Ghazali, adalah merupakan usaha hendak meruntuhkan agama.¹⁹

Walau bagaimanapun, menyediakan pelajar-pelajar dengan kemahiran teknikal dan lain-lainnya yang boleh membantu pelajar-pelajar kemudian hari adalah baik. Hal ini ada dirancang oleh Balai Dakwah Islamiyah di dalam programnya. Lain-lain contoh yang baik adalah Darul Arqam dan juga Pesentren al Falah di Indonesia.²⁰

Akhirnya, mengenai kritik masyarakat terhadap wanita yang menutup muka mereka atau berpurdah seperti yang terdapat di Balai Dakwah Islamiyah ini, ataupun di Darul Arqam, Sg. Pencala atau di Universiti-universiti tempatan dan lain-lainnya.

Adapun alasan untuk mengekalkan pakaian purdah atau menutup muka ini berdasarkan ayat al Qur'an Surah al Ahzab ayat 59:

"Wahai Nabi, katakanlah kepada isteri-isterimu, anak-anak perempuan dan isteri-isteri orang mu'min: 'Hendaklah mereka mengulurkan jilbabnya sejenis pakaian yang lapang yang dapat menutupi kepala, muka dan dada), ke seluruh tubuh mereka'. Yang demikian itu supaya mereka lebih mudah untuk dikenal, kerana itu mereka tidak diganggu. Dan Allah adalah Maha Pengampun lagi Maha Penyayang."

(S: 33 Ayat 59)

Kesimpulan hukum yang dicapai oleh ulama Islam, adalah seluruh tubuh wanita termasuk muka mereka hendaklah ditutup. Ini adalah pendapat yang terkuat dalam madhab Shafie. Manakala, pendapat ulama yang tidak begitu kuat sandarannya, adalah seluruh tubuh

wanita kecuali muka dan tapak tangan hendaklah ditutup.²¹

KELEMAHAN PENGAJIAN ISLAM TRADISIONAL (PONDOK)

Jika dibandingkan dengan sistem pelajaran di zaman kini, sistem pengajian pondok adalah jauh lebih lemah dari sistem pengajian moden. Kelemahan-kelemahan ini adalah seperti berikut:²²

PENTADBIRAN

Pengajian pondok seperti yang terdapat di Pondok Pasir Tumbuh, Kota Bharu, Kelantan, misalnya, pada umumnya dippunyai oleh orang perseorangan, yakni tuan guru yang mendirikannya. Kekuasaan sepenuhnya adalah pada tangannya. Polisi yang dijalankan secara perseorangan adalah lebih lemah dari polisi sebuah lembaga atau jemaah.

Kemajuan sesebuah pondok biasanya amat bergantung pada kewibawaan seseorang tuan guru semata-mata; apabila meninggalnya tuan guru tadi, maka malaplah kemajuannya. Hak milik pengajian tersebut berpindah kepada anak atau menantunya yang biasanya kalau kewibawaannya lebih rendah dari tuan guru yang asal, maka pondok pengajian itu makin kurang sambutan dan akhirnya terpaksa ditutup.

Pendidikan ini tidak mempunyai rangka pentadbiran jangka

panjang bagi perkembangannya secara tersusun dan tidak mempunyai sumber kewangan yang kukuh.

Balai Dakwah Islamiyah telah dapat mengatasi masalah-masalah ini serba sedikit, kerana meskipun ianya diasaskan oleh Hj. Mohd. Amin, tetapi kini ianya adalah di bawah pentadbiran dan pengawasan sebuah jemaah yang digelar 'jemaah Balai Dakwah Islamiyah'.

KURIKULUM

Umumnya pengajian pondok tiada mempunyai sukanan pelajaran yang berperingkat yang harus dilalui oleh pelajar-pelajar dari bawah dan meningkat ke atas melalui sekatan ujian atau peperiksaan. Balai Dakwah Islamiyah, seperti yang telah ditunjukkan telah berjaya mengatasi masalah ini, kerana mempunyai sukanan pelajaran yang dirancang.

Kitab-kitab yang digunakan pula adalah dari karangan lama yang bahasanya agak sukar untuk difahami dan permasalahannya kadang-kadang kurang relevant dengan keadaan semasa. Penumpuan pelajaran pula semata-mata bersifat keagamaan. Pengajiannya lebih bersifat penghafalan dan pemahaman.

GURU DAN PELAJAR

Kaedah penyampaian pelajaran dilakukan oleh guru secara lisan berdasarkan kitab tanpa menggunakan alat-alat pengajaran seperti papan hitam dan lain-lain alat yang boleh menyegerakan pemahaman.

Pelajar-pelajar pula menerima pengajaran berdasarkan kitab-kitab teks semata-mata. Catatan-catatan dibuat di dalam kitab itu juga. Tidak ada kerja-kerja bersifat kajian dan penulisan yang perlu diperiksa tentang nilai pencapaian pelajar-pelajar. Kaedah pengajaran kurang dititik-beratkan, ianya didasarkan pada pengalaman guru semata-mata dan lebih bersifat lisan.

Pelajar dari semua peringkat menerima pelajaran secara sekelompok duduk mengelilingi guru, ianya tidak bersifat sebagai sebuah kelas yang teratur seperti di sekolah. Pelajar yang diterima pula tidak diasaskan kepada sebarang pencapaian terlebih dahulu. Di dalam pengajian tidak dikelaskan secara langsung antara yang pandai dengan yang tidak pandai dan di antara pelajar yang telah lama mengikuti pengajian dengan yang baharu.

Balai Dakwah Islamiyah, berbeza dari institusi-institusi pondok yang lama, telah memperbaiki kaedah penyampaian pelajaran seperti penggunaan papan hitam, misalnya. Pelajar-pelajar juga

ada diberikan latihan untuk dilakukan di dalam buku-buku tulis mereka. Madrasah ini juga menggunakan sistem kelas, meskipun ia tidak menggunakan kerusi, sesuai dengan sifatnya yang tradisional. Sesama kajian ini dibuat, pelajar-pelajar di madrasah ini masih belum lagi diajarkan bermutalaah kitab-kitab teks, kerana masih lagi di peringkat rendah.

Balai Dakwah Islamiyah sebagai sebuah madrasah yang baharu dibina, bolehlah dikatakan mendapat sambutan yang menggalakkan, dibandingkan usianya yang masih muda, dan juga kawasan madrasahnya yang kecil. Madrasah ini mendapat sambutan masyarakat antara lainnya adalah kerana ia dibina di masa masyarakat di negara ini khasnya, sudah mula mendapat kesedaran yang baharu untuk kembali kepada Islam. Madrasah ini sendiri sering menjalankan program-program dakwah, yang sudah tentu menarik perhatian masyarakat kepadanya. Ianya juga merupakan salah satu madrasah yang mempunyai kelas Tahfiz Al Qur'an di negara ini. Selain daripada itu, meskipun ianya adalah institusi pendidikan tradisional, tetapi ia dalam beberapa segi telah dapat mengatasi kelemahan-kelemahan yang wujud dalam institusi jenis ini, seperti yang telah ditunjukkan di atas.

Walau bagaimanapun, pada amnya, pengajian tradisional atau pengajian pondok di negara ini, dewasa ini, kurang mendapat sambutan.

Selain dari kelemahan-kelemahan yang telah dinyatakan di atas, ada beberapa sebab mengapa ini berlaku.²³

Sistem pengajian pondok kini semacam terpisah dari sistem-sistem pengajian yang lain yang wujud di negara ini. Sistem ini tidak lagi dapat menjamin para pelajarnya meningkat dari segi pengajiannya untuk menyambung ke peringkat yang lebih tinggi lagi.

Perubahan nilai kemasyarakatan juga - walaupun di kampung tidak lagi mengekalkan sikap memandang tinggi terhadap lepasan-lepasan pengajian pondok sebagaimana pada zaman tradisi.

Selain dari itu, pada pandangan kami, pengajian pondok tidak lagi menghasilkan lepasan-lepasannya yang setaraf dengan ulama-ulama silam seperti Sheikh Abdul Malik bin Abdullah Trengganu, Sheikh Dawud bin Abdullah al Fatani, Sheikh Abdul Samad al Falimbani, Sheikh Muhammad Nafis al Banjari, Sheikh Muhammad Nawawi al-Jawi, Sheikh Abdul Samad al Kelantani, Sheikh Wan Ali Kotan dan lain-lain lagi. Ini dapat dipertahankan kerana tiada karya-karya baharu yang telah dapat dihasilkan selain dari kitab-kitab yang telah ditulis di zaman silam.

Status sosial lepasan pondok pula kini dianggap kelas dua, dibandingkan dengan pemerintah dan ahli-ahli politik serta golongan-

golongan lain seperti siswazah lepasan Universiti, misalnya.²⁴ Golongan pemerintah tidak lagi tunduk kepada para ulama', malah ada usaha-usaha dan perancangan untuk menghancurkan institusi pendidikan Islam tradisional itu.²⁵

Lepasan pengajian pondok kini tidak dapat menyediakan tenaga kerja berkelulusan yang dikehendaki oleh majikan, meskipun di dalam bidang keagamaan, baik majikan kerajaan ataupun swasta. Bidang-bidang pekerjaan yang khusus di dalam lapangan keagamaan yang sepatutnya dapat dipenuhi oleh lepasan-lepasan pengajian pondok kini dapat dipenuhi oleh pelajar-pelajar lulusan persekolahan yang mempunyai perimbangan didikan keagamaan dan asas pelajaran umum.

Penampungan pelajar-pelajar yang dapat diterima oleh pengajian pondok amat terhad. Pelajar-pelajar persekolahan kini mempunyai saluran pengajian dari peringkat rendah hingga peringkat tinggi. Pelajar yang pergi ke pengajian pondok jika tidak dengan kehendak sendiri, mungkin dengan desakan ibu bapa.

BEBERAPA SARANAN UNTUK MENGATASI MASALAH INI

Menyedari mengenai kelemahan-kelemahan yang wujud itu, beberapa langkah harus dilakukan untuk mengatasinya.

Pertama, adalah bimbingan kerjaya di dalam bidang kemahiran yang membuka peluang kepada para pelajar ke arah berdikari di dalam pekerjaan.²⁶

Aspek latihan berdikari ini ditekankan oleh kerana sifat ini adalah menjadi identiti tersendiri bagi pengajian-pengajian pondok di zaman silam. Pada zaman tradisi pelajar-pelajarnya tidak mendapat apa-apa bantuan kewangan atau biasiswa dari pihak tertentu sebagaimana pengajian sekarang. Mereka selain dari ditanggung oleh ibu bapa, ada yang berusaha sendiri di samping belajar, contohnya seperti mengambil upah memukul padi, membersih kebun, menanam padi dan sebagainya.

Aspek berdikari perlu dihidupkan di kalangan pelajar-pelajarnya. Rancangan ini dapat dilaksanakan dengan mengadakan pada pengajian pondok latihan-latihan yang didasarkan kepada kemahiran perusahaan, perniagaan dan pertanian. Di dalam bidang perusahaan seperti mengadakan bengkel-bengkel pertukangan, mekanik, jahit menjahit, perusahaan mengeluarkan barang-barang makanan setempat, pembinaan bangunan dan sebagainya. Untuk kemahiran perniagaan diadakan kedai runcit, koperasi bagi menyibarkan barang-barang perusahaan di atas. Di dalam bidang pertanian dapat diadakan bendang-bendang, kebun dan ternakan-ternakan seperti ayam, ikan air tawar, kambing, lembu dan sebagainya. Tanah-tanah mudah didapati seandainya pengajian

berada di luar bandar, bukan di bandar. Untuk mendapat tenaga pembimbing dan pengajar bagi bidang kemahiran boleh dirunding dengan pihak MARA yang banyak mengeluarkan lulusan-lulusan yang mengikuti kursus-kursus kemahiran; hubungan juga boleh dibuat dengan Jabatan Pertanian negeri dan daerah di samping mengambil pakar-pakar dari lain.

Di dalam mengikuti latihan kemahiran ini, pelajar-pelajar tidak setakat mengikuti secara teori, tetapi terlibat secara langsung di dalam perusahaan milik pengajian, perniagaan atau pertanian di mana pelajar-pelajar mendapat ganjaran rezeki dan pengajian pondok sendiri mendapat sumber kewangan untuk menambahkan kewangannya. Contohnya adalah apa yang dapat dilaksanakan dengan jayanya oleh pusat Darul Arqam di Sungai Pencala, Kuala Lumpur dan cawangan-cawangannya.

Sistem pentadbiran sebaiknya diperkemaskan dengan diwujudkan lembaga pentadbiran. Lembaga ini bertanggungjawab mengurus dan memajukan institusi ini. Harta benda adalah kepunyaan institusi. Pihak lembaga berusaha mendapatkan punca-punca kewangan sama ada dari yuran dan harta institusi yang diperkembangkan dan lain-lainnya.

Tenaga pengajar yang berkebolehan di dalam matapelajaran-matapelajaran yang dianjurkan mestilah diwujudkan. Guru-guru yang

berkelayakan ini hendaklah diberi jaminan kedudukan dan pendapatan mereka sekurang-kurangnya setaraf dengan guru-guru lain yang sama kelayakan mereka. Ertinya usaha hendaklah dilakukan agar kehidupan ekonomi guru-guru tersebut terjamin agar mereka disibukkan oleh tugas-tugas mengajar sahaja, dan tidak terganggu kerana mencari nafkah kehidupannya.²⁷ Guru-guru di dalam pelbagai bidang ini hendaklah dari kalangan yang patuh pada agama supaya suasana pengajian dan kehidupan secara keislaman dapat diperkuatkan.

Mengenai kurikulum pengajian pula, adalah disyorkan agar diperluaskan bidang-bidangnya meliputi ulum al-naqoliyah dan ulum an-naqoliyah²⁸ Perancangan hendaklah dibuat agar pelajar-pelajar akan berkeupayaan tidak semata-mata bertaqlid kepada kitab-kitab sahaja, tetapi akan layak untuk berijtihad dan berfatwa mengenai masalah-masalah baharu. Sistem penyelidikan, kajian, thesis dan perpustakaan akan dapat membantu ke arah ini. Di peringkat tertinggi (seperti al Qismul 'Ali) bolehlah diperkenalkan ilmu-ilmu moden seperti falsafah sains, sosiologi, politik, ekonomi, undang-undang dan lain-lainnya. Di samping itu mata pelajaran-mata pelajaran pondok dan kitab-kitabnya boleh digunakan,²⁹ dengan meninggalkan apa-apa perbincangan yang tidak begitu relevant kini, dan yang berulang-ulang diskusinya. Walau bagaimanapun, kaedah mempelajari dari awal hingga akhir kitab hendaklah diperkekalkan untuk menjamin

ilmu yang mendalam.

Akhirnya, mengenai kelengkapan pendidikan ini. Ianya hendaklah mempunyai kawasan tapak yang mencukupi dan bersesuaian untuk asrama perkampungan pelajar, masjid untuk kegiatan ibadah, pengajian dan muzakarah, bangunan untuk kelas-kelas, perpustakaan, pentabiran dan kantin. Juga bangunan untuk bengkel-bengkel perusahaan, perniagaan, kedai koperasi, padang permainan untuk kemudahan riadah untuk kesihatan pelajar-pelajar serta tanah untuk pertanian.³⁰

NOTAKAKI

1. Shafie Abu Bakar dan Muhammad Uthman El-Muhamady menggunakan perkataan "tradisional" kepada pendidikan jenis ini. Menurut Uthman El-Muhamady tiada perkataan yang lebih baik dan boleh menggantikan perkataan tersebut. "Tradisional" tidak bermaksud 'lama', kerana sesuatu yang lama mungkin tiada mempunyai apa-apa nilai; tetapi "tradisional" di sini dimaksudkan sebagai sesuatu yang bersifat "muqaddas" atau 'suci', daripada tradisi keagamaan yang bernilai tinggi, suci dan mulia. Lihat: Shafie Abu Bakar, "Institusi Pondok Dan Kesan Pendidikan di zaman silam", kertaskerja dibentang dalam Muzakarah Institusi Pondok sebagai Benteng Tradisi Islam di Derang, Kedah pada 4 dan 5 Disember, 1984; Uthman El-Muhamady, "Pondok Education as Indigenous Education", Jurnal Pendidikan Islam, Tahun 1 Bil. 1, Januari 1984.
2. Uthman El-Muhamady, Ibid, hal. 58.
3. Ibid, hal. 58.
4. Ibid, hal. 59.

5. Ibid, hal. 60.
6. Ibid, hal. 60.
7. Ibid, hal. 61.
8. Ibid, hal. 61.
9. Ibid, hal. 63.
10. Ibid, hal. 63.
11. Ibid, hal. 63.
12. Shaykh Shaltut, bekas Rektor Al Azhar, di dalam salah satu fatwanya menganggap keenam-enam madhab tersebut sebagai madhab fiqh Islam yang diakui. Mohd. Abu Zahrah juga berpandangan demikian.
13. Nik Abdul Aziz b. Hj. Nik Hassan, Haji Nik Abdullah bin Hj. Wan Musa dan Tariq Syah Waliullah al Dehlavi, di dalam Islam di Kelantan, Persatuan Sejarah Malaysia, tahun 1983.
14. Antara al hadis mengenai al-Asabiyah adalah: "Bukan dari golongan kita orang yang menyeru kepada kebangsaan, dan bukan dari golongan kita orang yang berperang atas dasar kebangsaan, dan bukan dari golongan kita, orang yang mati atas dasar kebangsaan." (Hadis Riwayat Abu Daud).
15. Syed Muhammad Naguib al Attas, "Islam and Secularism", Kuala Lumpur, 1978.
16. Mereka adalah ulama dan sarjana Islam yang terkemuka di abad ke 20 ini. Karangan Maududi seperti Towards Understanding Islam, S Qutb, Milestones, Tabatabai dan Mottahari, Usul-i-Falsafah, Nadwi, Islam and the World, S.M. Noor, Science and Civilization in Islam, dan Ali Shariati, On the Sociology of Islam.
17. Karangan Bertrand Russell yang terkenal, antara lainnya, adalah "History of Western Philosophy".
18. Ismail R. Faruqi, "Islamizing the Social Science" dalam Islamika, Kuala Lumpur, 1981.
19. Uthman El-Muhammady, Pendidikan Dalam Islam, dalam 'Peradaban

Terhadapnya". Kertaskerja dibentang dalam Muzakarah Institusi Pondok Sebagai Benteng Tradisi Islam di Derang, Kedah pada 4 dan 5 Disember 1984.

25. Temuramah dengan Hj. Nasoha b. Ahmad. Bekas Perdana Menteri Malaysia, Tun Abdul Razak mengatakan: "Kerajaan Perikatan bercadang hendak memodenkan sekolah-sekolah agama sambil menghapuskan cara-cara berpondok-pondok dalam negeri ini." (Utusan Melayu, 23 Mac 1965). Beliau berpendapat cara pengajian cara lama tidak sesuai untuk sebuah negara merdeka dan bertamaddun. YB En. Khir Johari, bekas Menteri Pelajaran, bercadang untuk menghapuskan pelajaran agama di pondok kerana dianggap 'fanatik dan jumud'.
26. Shafie Abu Bakar, *Ibid*, hal. 39.
27. Sekiranya ini tidak dilaksanakan, besar kemungkinan guru-gurunya terpaksa mencari nafkah hidup, dan dengan itu akan tergendala perjalanan kelas-kelas yang mereka bertanggungjawab.
28. Untuk memahami pengertian ulum al naqliyah dan ulum al aqliyah, sila lihat: Wan Muhammad b. Wan Muhammad Ali, 'Islam dan Modernisme', ABIM, 1977, hal. 76-78.
29. Lihat Lampiran 3 dan 4.
30. Lihat Lampiran 5.

BAB VI

masalah boleh dianggarkan kepada para pelajar cah mireka yang AKHIR KATA

Ada beberapa perkara yang timbul di pemikiran kita apabila kita memikirkan keperluan untuk mengekalkan sistem pendidikan Islam tradisional dan penyempurnaannya.¹

Pertama, kurikula tradisionalnya dengan teks Arab klasik

dan teks Melayu, kesemuanya hendaklah dikekalkan dan digalakkan.

Di mana boleh, kurrikula tersebut hendaklah dibaiki menjadi lebih luas meliputi matapelajaran di dalam keseluruhan sains Islam.

Kedua, perhubungan tradisi yang terjalin antara guru-murid atas dasar "kehormatan" hendaklah dikekalkan. Di mana boleh, ianya hendaklah disempurnakan dengan menggunakan kriteria tradisi Islam mengenai adab.

Ketiga, kaedah pengajaran tradisi seperti 'menadah kitab',

'mutalaah' (atau sistem muzakarah yang menggunakan pengajar),

'menghafal' dan sebagainya boleh diteruskan; walau bagaimanapun

sekiranya metod-metod baharu yang memberi manfaat boleh dilaksanakan.

Antara lain seperti penggunaan papan hitam, perpustakaan, kajian-kajian ilmiah, penulisan thesis, penyelidikan dan lain-lainnya.

Keempat, isu-isu dan masalah-masalah masyarakat dan zaman

sepuh sains Islam.

moden boleh disampaikan kepada para pelajar oleh mereka yang layak mengenainya, agar pelajar-pelajar dapat melihat sesuatu masalah dan isu semasa menurut kacamata Islam. Di dalam hal ini, suasana ketenteraman kerohanian dan intelektual pusat tersebut hendaklah dijaga.

Kelima, rakyat hendaklah digalakkan untuk membiayai institusi pendidikan Islam itu secara sendiri dan tidak berharap kepada bantuan kerajaan di dalam hal ini. Adalah merupakan satu idealisma agar pendidikan ini dihidupkan sendiri oleh rakyat seperti mana pusat-pusat pendidikan Islam di India dimiliki oleh rakyat sendiri.

Keenam, alam persekitaran madrasah terutama dari segi kesihatan hendaklah diperbaiki.

Ketujuh, cara-cara melaksanakan sesuatu secara lebih bersistematis hendaklah diperkenalkan ke dalam pendidikan ini, untuk kemudahan dan perlaksanaan program dan objektifnya secara lebih berkesan.

Kelapan, pusat-pusat pendidikan tradisional tersebut hendaklah menghindari dari terlibat dengan politik kepartian secara langsung, tetapi bukan daripada siasah atau politik sebagai makna dan kesadaran di dalam masyarakat gelap dan sepihat seperti satu sains Islam.

Kesembilan, kebebasan berbicara hendaklah wujud untuk para 'ulama agar mereka boleh menjadi wakil sebenar umat ini dan agar mereka boleh berbicara untuk kepentingan semua pihak.

Kesimpulannya, bolehlah disebutkan bahawa tujuan pendidikan Islam tradisional haruslah mendapat perhatian umum. Ini adalah kerana kaitan sejagatnya di dalam hal pembentukan peribadi dan integrasinya di dalam pengertiannya yang sebenar. Ia memberikan satu weltanschauung yang memberi erti kepada kewujudan manusia dan kerana penekanannya kepada tugas-tugas kerohanian dan asas manusia yang sebenarnya, yang dirindui oleh jiwa manusia; dan kerana ia mementingkan ethika kerohanian sejagat berdasarkan metafizika dan psychologi kerohanian tradisi Islam yang sebenarnya. Ia juga mendisiplin kehidupan si mu'min menurut Syariah yang tidak terpengaruh oleh masa ataupun hilang olehnya.

Sumbangan dan peranan pendidikan ini dalam sejarah pendidikan tetap berkekalan kecuali kemerosotannya oleh kerana faktor-faktor sejarah dalaman dan luaran. Tanpa ragu lagi, sistem pendidikan Islam tradisional ini hendaklah dihidupkan semula, terutama oleh rakyat dan para ulama yang sejati. Fungsinya hendaklah ditingkatkan lagi berdasarkan kriteria tradisi Islam dengan maksud menyediakan manusia muslim itu untuk hidup dengan penuh makna dan kesedaran di dalam masa yang gelap dan mencabar seperti zaman ini.²

Jamaludin, Mohamed, "Dalam dan Persekitaran Masyarakat Malaysia Kini". Setia Penerjemah, NOTAKAKI Pengaruh, Penubuhan Islam di Malaysia, Penerjemah Setia Penerjemah Malaysia, 1989.

1. Uthman El-Muhammady, "Pondok Education as Indigenous Education", dalam Jurnal Pendidikan Islam, Tahun 1, Bil. 1, ABIM, 1984, hal. 64.
2. Ibid, hal. 65.
3. Ahmad, Abdul Razak, "Rohiduan Pondok Dalam Pembentukan di Selangor", Tanahan Islamik, Jelatan Pendidikan Negara, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1986.
4. Ahmad, Shabnon, "Instisiensi Pondok Dalam Perkembangan Masyarakat Kini Terhadapnya". Muzakarah Institusiensi Pondok Selangor Bertengah Tradisi Islam di Berantai, Kuala Lumpur, 1986.
5. Ali, Mohamed Ghazali, Taqleed Jemaah Seala Langgar: Satu Kajian Ke Arah Pendidikan, Ciri-ciri dan Pelakuk Terjajah, Kertas Penyelesaian Akademik, Fakulti Pendidikan dan Pustakawiana, Universiti Malaya, Disember 1981.
6. Anuarul Hafiz, M., The Political Thought of Maulana Muhammad Ilyas, George Allen & Unwin Ltd. London, 1972.
7. Ali Hasan, Syed Mohamed Aliquli, "Islam and Secularism", ASIM, Kuala Lumpur, 1976.
8. Al Faruqi, Ismail, "Islamizing the Social Sciences" dalam Islamika, Kuala Lumpur, 1981.
9. Ali Ghazali, Haji' Glomadiyah terjemahan Dr. R. Ismail Veluth, Singapore, 1981.
10. Andolfi, A.A., Al-Hijrah Dan Status Kunitsa Islam, Serching, 1984 M.
11. Mohamed, Hj. Ahsari, Bersiaran Ke putih Menteri Dalam Negeri Dan Masyarakat Islam, Kuala Lumpur, 1983.
12. Nordin, S. Abd Razak Ali, Life and Mission of Maulana Muhammad Ilyas Academy of Islamic Research and Publication,

BIBLIOGRAFI

Abu Bakar, Mohammad, "Dakwah dan Pengislaman Masyarakat Melayu Masakini. Satu Analisa Pengenalan". Tamaddun Islam di Malaysia, Persatuan Sejarah Malaysia, 1980.

Abu Bakar, Shafie, "Institusi Pondok Dan Kesan Pendidikan Di Zaman Silam". Muzakarah Institusi Pondok Sebagai Benteng Tradisi Islam di Derang, Kedah.

, "Ke Arah Pembaikan Dan Pengembangan Sistem Pondok Di Malaysia - Suatu Penyesuaian Dengan Perkembangan Pendidikan Kini". Jurnal Pendidikan Islam, Bil. 2, Okt. 1984, ABIM.

Hj. Ahmad, Abdul Rashid, "Kedudukan Pondok Dalam Masyarakat di Kelantan". Latihan Ilmiah, Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1966.

Hj. Ahmad, Shahnon, "Institusi Pondok Dan Keperluan Masyarakat Kini Terhadapnya". Muzakarah Institusi Pondok Sebagai Benteng Tradisi Islam di Derang, Kedah.

Ali, Mohammad Ghazali, Tabligh Jamaat Kuala Lumpur: Satu Kajian Ke Atas Pemikiran, Organisasi Dan Teknik Kerjanya. Kertas Projek Diploma Pentadbiran Awam, Fakulti Ekonomi Dan Pentadbiran, Universiti Malaya, Disember 1981.

Anwarul Haq, M. The Faith Movement of Maulana Muhammad Ilyas. George Allen & Unwin Ltd. London, 1972.

al Attas, Syed Muhammad Naguib, "Islam and Secularism", ABIM, Kuala Lumpur, 1978.

al Faruqi, Ismail, "Islamizing the Social Sciences" dalam Islamika, Kuala Lumpur, 1981.

al Ghazali, Ihya' Ulumiddin terjemahan Tg. M. Ismail Yakub, Singapura, 1981.

Maududi, A.A., Al Hijab Dan Status Wanita Islam, Bandung, 1984 M.

Mohammad, Hj. Ashaari, Huraian Ke Arah Membangun Negara Dan Masyarakat Islam, Kuala Lumpur, 1983.

Nadwi, S. Abul Hasan Ali, Life And Mission of Maulana Muhammad Ilyas Academy of Islamic Research and Publication,

Lucknow, India, 1979.

Hj. Nik Hassan, Nik Abdul Aziz, "Islam di Kelantan", Persatuan Sejarah Malaysia, 1983.

Prasodjo, Sudjoko, Profil Pesentren: Laporan Hasil Penelitian Pesentren Al Falak Dan Delapan Pesentren Lain Di Bogor, Jakarta, 1974.

Uthman El-Muhammady, Muhammad, Peradaban Dalam Islam, Kelantan, 1976.

_____, "Pondok Education as Indigenous Education". Jurnal Pendidikan Islam, Bil. 1, ABIM, 1984.

Wan Muhammad Ali, Wan Muhammad, Islam Dan Modernisme, ABIM, 1977.

_____, Al Hijab. Pustaka Watan, Kuala Lumpur, pelbagai cetakan.

Yusuf, Naemat, "Markaz At Tarbiyat 'Ul-Islamiyah" (Markaz Pendidikan Islam), Mukim Derang, Kota Setar, 1982, (tidak diterbitkan).

Suratkhabar-suratkhabar:

Utusan Malaysia, 23 Oktober 1983

Utusan Melayu, 23 Mac 1965

Utusan Melayu, 25 Oktober 1983

Utusan Melayu, 26 Oktober 1983

Watan, 15 November 1983

LAMPIRAN I



REK JAN 71

i) Surau dan Madrasah Balai Dakwah Islamiyah



REK JAN 71

ii) Asrama Puteri Dan Madrasah




REK JAN 85

iii) Hafiz Ahmad Mustapha sedang mengajar Tahfiz al Qur'an



REK JAN 85

iv) Belajar secara duduk beraila secara berhalayah dan tanpa kerusi.



- v) Hj. Nasoha b. Ahmad dan peserta kursus dakwah sedang bergotong-royong untuk membaiki bangunan madrasah.



- vi) Pelajar-pelajar madrasah bermain sepakraga selepas waktu 'Asar




vii) Pelajar-pelajar sedang membersih madrasah pada hari Jumaat



viii) Sudut belakang surau dan madrasah Balai Dakwah Islamiyah, Jeram, Selangor

LAMPIRAN II

Rangka Pendidikan Balai Dakwah Islamiyah, Jeram, Selangor.



LAMPIRAN III

LAMPIRAN IV

Senarai Mata-Matapelajaran Pondok

1. Quran
2. Tafsir
3. Hadith dinmatul al-jurumiah, oleh: Sheikh Al-Jarim ibn Suhaji.
4. Fiqh hariah, oleh: Sheikh Khalid al-Azhari.
5. Tauhid zani, oleh: Sheikh Ali ibn Mohd. al-Aswani.
6. Tasauf zani, oleh: Sheikh Mohd. al-Badrini.
7. Usul Tafsir oleh: Jamaluddin Mohd. ibn Abdullah ibn Maimun.
8. Matan al-Hadith ibn Malik.
9. Usul Fiqh tsaran jiddan 'ala al-juramiah, oleh: Syeikh Syed Zaini Dahlan.
10. Tajwid
11. Tarikh Al-Islam
12. Akhlaq
13. Bahasa Arab
14. Mantiq
15. Saraf
16. Al-Insha'
17. Ma'ani
18. Fira'aid
19. Al-Munazarah
20. Badi'
21. Al-Wadza
22. Al-Istiqa'ah
23. Al-Arudz
24. Al-Handasah
25. Al-Hisab
26. Jugrafia
27. Al-Tib
28. Al-Bian
29. Nahu

- 75 -
LAMPIRAN IV

3. Al-qadaiq, oleh: Imam Ma'rifatillah ibn Abi Bakar.

4. Al-Qurtub, oleh: Mohd. Khatib Shamsini.

Ilmu Nahu

5. Al-Sayyid, oleh: Sheikh Abdul Jelil ibn Hajar.

1. Al-mukodimatul al-ajurumiah, oleh: Sheikh Al-Jarum ibn Suhaji.

2. Al-Azhariah, oleh: Sheikh Khalid al-Azhari.

3. Al-Ashmuni, oleh: Sheikh Ali ibn Mohd. al-Ashmuni.

4. Al-Hadhori, oleh: Sheikh Mohd. al-Badhori.

5. Al-piyahu, oleh: Jamaluddin Mohd. ibn Abdullah ibn Maliki.

6. Al-makadi, oleh: ibn Malik.

7. Sharah muktasran jiddan 'ala al-juramiah, oleh: Sheikh Syed Ahmad ibn Zaini Dahlan.

8. Sharah 'ala al-ajurumiah, oleh: Sheikh Basran al-Kuprowi

9. Sharah 'ala al-jaramiah, oleh: Sheikh Khalid al-Azhari.

10. Sharah 'ala al-fiah, oleh: ibn 'Akil.

11. Mutamimatu lil al-jurumiah, oleh: Sheikh Abdullah ibn Ahmad al-Fakihi.

12. Mujiban mada (Yasin), oleh: Sheikh Abdullah ibn Ahmad al-Fakihi.

13. Mughnil labib, oleh: ibn Hisham al-asori.

14. Kotron nada Wabalusoda, oleh: Abu Mohd. Abdullah Jamaluddin.

15. Suzuruzahab, oleh: ibn Hisham al-Ansori.

16. Shawahidu ibn 'akil, oleh: Sheikh Abdul Mun'ami.

17. Tamrinul tollab oleh: Zainuddin Khalid ibn Abdullah al-Azhari.

18. Tuhfatu Talib, oleh: Sheikh Talal Abu Yahya Zakaria.

Ilmu Fiqh

19. Tuhfatu Muhibbi, oleh: Shihabuddin Ahmad ibn Al-Hajar.

20. Tuhfatu Usabi, oleh: Muhibb Sulaiman al-Banjirini.

1. Al-sitini masa'alah, oleh: Sheikh Ahmad Ramlee.

2. Al-Baijuri, oleh: Sheikh Ibrahim al-Baijuri.

3. Al-maktab sharah Ima'matu'l maktab.

2. Al-maktab, oleh: Imam Abu Hanifah.

3. Majlis-majlis al-jadal fi 'ilm arz.

4. Sharah Iftaari fi-lizzi, oleh: Abu Hasan Ali ibn Hizam

3. Al-irshad, oleh: Imam Shafuddih ibn Abi Bakrun.
4. Al-iknot, oleh: Mohd. Khatib Sharbini.
5. Al-mahali, oleh Jalaluddin al-Mahali.
6. Al-Shargowi, oleh: Sheikh Abdullah ibn Hijazi.
7. Al-Zubadu, oleh: Sheikh Ahmad ibn Roslan.
8. Fathul korib, oleh: Sheikh Mohd. Kasim al-'azi.
9. Fathul Mu'ini, oleh: Zainuddin ibn Abdul Aziz.
10. Fathul Jawadi, oleh: ibn Hajar Al-Haitami.
11. Fathul Wahab, oleh: Zakaria al-Ansori.
12. Ghayatu-l taqrib, oleh: Khodzi Ahmad ibn Husin al-Asfihani.
13. Ghayatul Bayan, oleh: Sheikh Ramli.
14. I-'anatatholbin, oleh: Syed Abu Bakar ibn Syed Mohd. al-Nisri.
15. Mirkotu S'audi al-Tasdiq, oleh: Sheikh Mohd. Nawawi.
16. Manhajutholbin, oleh: Imam Abu Zakaria Yahya ibn Sharafi 'an Nawawi.
17. Nawahibusamad, oleh: Sheikh Ahmad ibn Hijazi.
18. Maghni al-Muhtaji, oleh: Mohd. Khatib Sarbini.
19. Nihayatul Nuhtaji, oleh: Shamsuddin Mohd. ibn Abdul Abbas al-Ramli.
20. Riadzul Ba'diah, oleh: Nawawi Thani.
21. Sulama Taufik, oleh: Sheikh Abdullah ibn Hussain ibn Tohor ibn Mohd. ibn Hashim Na'alwi.
22. Shafinatur naja, oleh: Salim ibn Sumairin al-Hadori.
23. Tuhfatul Tolabi, oleh: Sheikh Islam Abu Yahya Zakaria.
24. Tuhfatul Mughtaji, oleh: Shihabuddin Ahmad ibn Al-Hajar.
25. Tuhfatul Habibi, oleh: Sheikh Sulaiman al-Bujairimi.

Ilmu Saraf

1. Al-matlub sharah limatnia'l maksud.
2. Al-maksud, oleh: Imam Abu Hanifah.
3. Majmu-mustamilu alajumlati rosaili fi 'ilmu sarfi.
4. Sharah litasri fi-lizi, oleh : Abu Hassan Ali ibn Hisham

Qasidah

5. Bamiyatul af'al, oleh: Jamaluddin Mohd ibn Abdullah ibn Maliki.
6. Sharah kabir, oleh: Jamaluddin Mohd. ibn Abdullah ibn Maliki.
7. Talhisal asas sharhu-l kitabil binae, oleh: Ali ibn Usman.
8. Alim'a, oleh: Abu Ishaq Ibraheem Shairosi.

Hadith

1. Sunnah Rahmat, oleh: Zakaria al-'ansori.

2. Ghayatul usul, oleh: Zakaria al-'ansori.

1. Al-majalisu Saniyah, oleh: Sheikh ibn Hijazi.
2. Al-zawajiru, oleh: ibn Hajar.
3. Al-'asfuriah, oleh: Mohd. ibn Abu bakrin.
4. Bulughu muron, oleh: Hafiz Shihabuddin Ahmad ibn Ali.
5. Dakoiku al-akhbar, oleh: Imam Abdul Rahim Kathi.
6. Matan arbain, oleh: Abu Zakaria Yahya Nawawi.
7. Riadhus Salihin oleh: Abu Zakaria Yahya Nawawi.
8. Subulasalam, oleh: Imam Mohd. ibn Ismail.
9. Sohibul bukhoru.
10. Sharah Sulami, oleh: Ahmad Malawi.
11. Sharah Tsagħajji, oleh: Zakaria al-'ansori.

Tafsir

1. Jalalain, oleh: Jalaluddin al-Mahalli Jalaluddin Al Suyuti.
2. Al-nasafi, oleh: Najmuddin Umar Nasafi.

Mustalah Hadith

1. Al-ṣaḥīḥ, oleh: Abdurrahman al-Nikuri.

1. Al-baikuniyah, oleh: Sheikh Umar ibn Shaikh Mohammad.
2. Hashiyah Baikuniyah, oleh: Sheikh 'Atiyah al-Ajhuri.
3. Lakotulduroror, oleh: Abdullah ibn Hussain al-Azhari.
4. Nahbatul fikar, oleh: Ibn Hajar al-Asqolani.
5. Sharah al-Baikuniyah, oleh: Sheikh Muhammad Zurkoni.
1. Al-pārīs, oleh: Muhibbin al-Nawawi.
2. Abdur Razzāq, oleh: Abdur Razzāq ibn Ibrahim al-Maliki.

Usul Fiqh

1. Al-ash'ahu wanazoi, oleh: Imam Jalaluddin al-Sayati.
2. Al-nahu waroqat, oleh: Ahmad ibn Mohd. al-Dimayati.
3. Alum'a, oleh: Abu Ishaq Ibrahim Shairozi.
4. Fathu Rahman, oleh: Zakaria al-'ansori.
5. Ghayatul usul, oleh: Zakaria al-ansori.
6. Irsha dulfuhul, oleh: Mohammad ibn Ali.
7. Jain'anul Jawame'-i, oleh: Tajuddin Abdul Wahab ibn Surki.
8. Latoiful i sharoti, oleh: Abd. Hamid ibn Mohd. Ali Kudus.

Mantiq

1. Al-Sulami, oleh: Sheikh Mohd. Al-Ambani.
2. Aidzo Mubhanmi, oleh: Sheikh Ahmad amhuri.
3. Isaghuji (Taiwan), oleh: Asiruddin al-Abhari.
4. Sharah Sulami, oleh: Ahmad Malawi.
5. Sharah Isaghuji, oleh Zakaria al-'Ansori.

Balaghah

1. Al-sowi
2. Al-Samarkondi.
3. Al-Jauhari Maknun, oleh: Abdul Rahman al-Ahkzuri.
4. 'Akdatul jumani, oleh: Suyuti.
5. Muktasar Ma'ani.

Tauhid

1. Al-Sarkowi 'ala Hudhudi, oleh: Sheikh Abdullah Sarkowi.
2. Abdul Salam, oleh: Abdul Salam ibn Ibrahim al-Maliki.

3. Fathul Majid, oleh: Nawawi ibn Umar al-Jawi.
4. Sharah Matan Sanusiyah Ibrahim al-Bijuri.
5. Sharah Kifayatul 'Awam, oleh Ibrahim Bijuri.
6. Tohfatul Murid, oleh: Ibrahim al-Baijuri.

Tasauf

1. Risalatul Mu'awnah, oleh: Afifuddin Sheikh Abdullah al-Badadi.
2. Al-Azkar, oleh: Yahya Nawawi.
3. Bidayatul Hidayah, oleh: Imam Ghazali.
4. Hidayatul Salikin, oleh: Imam Ghazali.
5. Nasiohu diniyah, oleh: Syed Abdullah Balawi al-Hadadi.
6. Irsadu 'ibadi, oleh: Zainuddin ibn Abdul Aziz al-Misri.
7. Minhajul 'abidin, oleh Imam Ghazali.
8. Sirusalikin, oleh: Imam Ghazali.
9. Risalatu-l Kusairi, oleh : Abu Kassim Kusairi.
10. Ta'limu Muta'lim, oleh: Al-Sarnuji.

LAMPIRAN V

Tingkat-Tingkat Perkembangan Pendidikan Islam Tradisional

Pola 1

Masjid
Rumah Tuan Guru

Pendidikan Islam tradisional berubah dengan mengejarkan Asrama (dan bukan pondok) dilengkapi dengan perpustakaan dan tempat olahraga.

Keterangan

Lanjutnya adalah menambahkan Pondok sangat sederhana. Hanya ada masjid saja, dan rumah tuan guru mengajar. Pelajar datang dari daerah tempatan, tetapi belajar secara sistematis dan berterusan.

Pola 2

Masjid
Rumah Tuan Guru
Pondok

Pondok telah ada asrama untuk pelajar dari daerah lain.

Pola 3

Masjid
Pondok
Madrasah

Pondok telah memakai sistem kelas. Pelajar mendapat pendidikan di madrasah. Di samping itu masih ada pengajaran 'menadah kitab' seperti cara lama.

Pola 4

Masjid
Rumah Tuan Guru
Pondok
Madrasah
Tempat Ketrampilan

Di samping ada sistem madrasah, ada pula tempat-tempat untuk latihan ketrampilan, seperti: penternakan, kedai koperasi, sawah, ladang dan sebagainya.

Pola 5

Masjid
Rumah Tuan Guru
Asrama
Madrasah
Tempat ketrampilan
Perpustakaan
Tempat Olahraga

Pendidikan Islam tradisional berubah dengan menggunakan Asrama (dan bukan pondok) dilengkapi dengan perpustakaan dan tempat olahraga.

Langkah selanjutnya adalah mewujudkan sekolah-sekolah menengah kebangsaan agama, dengan SRP, SPM dan STPM.